

Jilid I  
Bil. 96



Hari Jumaat  
6hb Disember, 1991

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 15579]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992

Jawatankuasa—

Jadual—

Maksud B.25 [Ruangan 15627]

Maksud B.26 dan B.27 [Ruangan 15631]

### USUL:

Anggaran Pembangunan 1992

Jawatankuasa—

Maksud P.25 [Ruangan 15627]

Maksud P.26 dan P.27 [Ruangan 15631]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPISAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMD BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 6hb Disember, 1991**


---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PEMBALAKAN HUTAN BAKAU**

**1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa luaskah hutan bakau yang masih berada di kawasan pesisir negara. Apakah dasar pembalakan dan pengeksporan kayu bakau yang ada sekarang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, keluasan hutan bakau negara adalah sebanyak 590,663 hektar, iaitu 104,607 hektar di Semenanjung Malaysia, 318,000 hektar di Sabah dan 168,056 hektar di Sarawak. Dasar pembalakan kayu bakau adalah tidak berbeza dengan dasar pembalakan kayu-kayan lainnya yang berasaskan kepada amalan pengurusan hutan yang teratur.

Pada masa ini Kerajaan tidak menggalakkan pengeksporan kayu bakau memandangkan pengeluaran tempatan kayu tersebut adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam negeri. Malah negara terpaksa mengimport secara purata sebanyak 3.6

juta batang kayu bakau setahun sejak 5 tahun yang lalu. Manakala di Sarawak pembalakan kayu bakau adalah terhad untuk kayu piling dan arang, bukannya untuk tujuan pengeksporan. Sementara di Sabah pula industri kayu bakau telah diberhentikan sejak tahun 1986.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa hutan bakau berkemungkinan akan pupus dan kepupusan ini akan membawa bencana kepada negara, khususnya di dalam soal penghakisan pantai seperti berlaku di kawasan Arau, Perlis dan juga di kawasan-kawasan lain. Soalan saya ialah adakah pihak Kerajaan akan mengadakan satu dasar yang mana hutan-hutan bakau tidak dieksploitasikan lagi, malah diadakan satu perjanjian dengan lain-lain Kementerian supaya tidak digunakan kayu bakau yang pada masa ini di dalam spesifikasi tender dalam JKR dikehendaki mengadakan bakau piling misalannya dan ini menyumbang kepada kepupusan kayu bakau. Adakah pihak Kementerian akan bertindak ke arah itu?

Soalan yang kedua, apakah jenis-jenis kajian yang sedang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan mengenai dengan penggunaan habitat hutan bakau yang ada di negara kita pada masa ini?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar perlunya sebahagian besar

bakau-bakau ini dikekalkan. Dengan sebab itu, sebahagian besar daripada kawasan bakau itu telahpun dimasukkan ke dalam hutan simpan kekal di mana boleh dikatakan Perak mempunyai 44% daripada kawasan yang tersebut itu dijadikan kawasan hutan simpan kekal, manakala Selangor 25%, Johor 14%, Kedah 8%, Pahang 2%, Negeri Sembilan 1%, Terengganu 1%, Pulau Pinang 0.06%, Melaka pun ada iaitu 0.4%. Jadi, dengan menjadikannya hutan simpan kekal bermakna kawalan yang ketat telah dan sedang diberikan oleh Jabatan Perhutanan di seluruh negara kita.

Di samping itu, Kerajaan juga telah berjaya mengadakan pemulihan hutan bakau, khususnya di negeri Perak. Boleh dikatakan keseluruhan Jabatan-jabatan Hutan telah dapat mempelajari bagaimana cara teknologi untuk memajukan balik kawasan-kawasan hutan bakau ini. Tetapi manakala ada setengah-setengah kawasan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri untuk dimajukan, maka ini akan dapat dibincang dari semasa ke semasa.

Tentang kegunaan hutan bakau ini, sebagaimana yang diketahui bukan sahaja untuk mengurangkan hakisan tetapi ia juga penting untuk pembiakan sumber-sumber laut, udang, ikan dan sebagainya.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri adakah terdapat kes-kes kecurian ataupun pencerobohan kawasan hutan simpan bakau di negara ini dan kawasan manakah yang terlibat dengan perkara ini? Apakah langkah-langkah kawalan dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berhubung dengan kes kecurian ini? Daripada negeri manakah yang banyak sekali kes-kes kecurian hutan bakau ini?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, memang sering berlaku kes-kes kecurian ini, terutama di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan penempatan semula atau berdekatan dengan pekan. Jadi kes yang sering berlaku misalnya di Selangor, Perak, Johor kerana di kawasan-kawasan inilah yang mempunyai banyak kawasan bakau sebagaimana yang saya katakan. Tindakan-tindakan tegas sedang diambil dan Jabatan Perhutanan telah menambahkan bot rondaan untuk meronda kawasan-kawasan yang menjadi larangan di seluruh negara kita. Insya Allah, keadaan kecurian ini tidaklah serius sebagaimana yang berlaku kepada kecurian kayu-kayu balak.

## PENYAKIT CANCER— RAWATAN

**2. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengiring pesakit seperti cancer, buah pinggang dan jantung yang dikirim ke Hospital Besar Kuala Lumpur untuk rawatan di mana pengiring yang terdiri daripada keluarga terdekat pesakit berkenaan akan berhadapan dengan masalah penginapan selama berada di Kuala Lumpur. Sehingga mereka terpaksa tinggal dan tidur di corridor hospital berkenaan, itu pun kadangkala dihalau juga oleh pihak berkuasa hospital dan menyebabkan mereka benar-benar dalam kesulitan. Jika sedar, tidakkah Kementerian berkenaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan unit rawatan penyakit-penyakit yang tersebut itu di negeri Sabah supaya masalah pengiring seperti yang dibangkitkan itu dengan sendirinya dapat diatasi.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Kesihatan memang menyedari kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengiring-pengiring pesakit dari luar Kuala Lumpur yang mengalami penyakit-penyakit cancer, buah pinggang dan jantung yang dirujuk kepada Hospital Besar Kuala Lumpur untuk rawatan.

Sehubungan dengan itu, maka Hospital Besar telahpun mengamalkan dasar, dengan izin, Mother Accompanying Child bagi pesakit-pesakit kanak-kanak di mana pesakit dan pengiring akan diperuntukkan katil serta makanan sebaik sahaja di-daftarkan.

Bagi pesakit-pesakit dewasa pula, khususnya dari Sabah dan Sarawak, pihak Pegawai Kebajikan Masyarakat Perubatan Hospital Besar Kuala Lumpur akan menghubungi pegawai-pegawai dari Yayasan Sabah dan Sarawak yang akan membantu menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pengiring pesakit.

Kementerian Kesihatan memang ada cadangan untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran khusus seperti kardiologi dan nefrologi di Sabah. Pakar-pakar dari Jabatan-jabatan Nefrologi, Tangan dan Mikrosurgeri dan juga Kulit dari Hospital Besar Kuala Lumpur sedang menyediakan perkhidmatan di Hospital Queen Elizabeth II di Kota Kinabalu melalui lawatan-lawatan berjadual yang disediakan untuk mereka. Ini adalah selaras dengan perancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi perkhidmatan di hospital-hospital besar dengan memperluaskan perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran khususnya di luar Hospital Besar Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini perkhidmatan-perkhidmatan kardiologi, nefrologi, neurologi, bedah plastik, bedah otak dan urologi telahpun dimulakan di beberapa buah hospital besar.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada bila ada pesakit-pesakit yang diiringi oleh mother, doktor ataupun jururawat daripada sesuatu negeri, misalnya daripada Kedah datang ke Hospital Besar Kuala Lumpur, adakah pesakit-pesakit ini diberi layanan priority, sebab baru-baru ini ada satu kes accident, dengan izin, di kawasan saya. Apabila kes itu tidak dapat dirawat di Hospital Besar Alor Setar maka doktor dan jururawat telah diberi untuk mengiringi pesakit itu ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Tetapi saya diberitahu bahawa bila sampai sungguhpun ada doktor dan jururawat tetapi tidak mendapat layanan istimewa ataupun priority hingga pesakit itu telah meninggal dunia dan balik begitu sahaja. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kes ini terlalu spesifik, saya minta maklumat lanjut untuk membuat siasatan selanjutnya.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan sedar tentang kesulitan yang dialami oleh pesakit-pesakit yang terpaksa diarah ke sana sini di Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan, terutama pesakit-pesakit yang tidak boleh berjalan sendiri sehingga pesakit itu terpaksa datang merawat di klinik swasta sedangkan mereka tidak mampu. Jika sedar, apakah usaha Kerajaan untuk memastikan masalah ini supaya tidak berlarutan?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu dasar kita memberi layanan yang sama pada semua pesakit-pesakit datang ke hospital-hospital besar, termasuk hospital daerah, walau bagaimanapun kes yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat itu terlalu spesifik. Kalau sekiranya dapat maklumat lanjut dan secara terperinci, saya akan menyiasatnya secara lanjut untuk mendapat maklumat yang seterusnya.

### HASIL IKAN/DAGING TERNAKAN/ PENGELUARAN BERAS

**3. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang efektif yang sudah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi:

- (a) membanyakkan hasil ikan;
- (b) membanyakkan daging ternakan; dan
- (c) membanyakkan pengeluaran beras negara.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbanyakkan hasil ikan ialah mempesatkan penerokaan bot-bot perikanan di pengairan laut dalam iaitu di zon ekonomi eksklusif Malaysia dan menggalakkan pembangunan ternakair. Di samping itu, usaha-usaha juga diambil untuk melindungi serta menambah sumber perikanan seperti membina tukun tiruan, menubuhkan taman rizab laut dan meningkatkan kegiatan penaburan benih ikan/udang di pengairan laut, tasik, sungai dan empangan.
- (b) Bagi memperbanyakkan daging ternakan, langkah-langkah diambil untuk menambah stok ternakan negara melalui pengimportan Induk Kacukan

yang bermutu. Pihak Jabatan juga menyediakan perkhidmatan sokongan seperti perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pernianan berhadass dan perkhidmatan pengembangan. Di samping itu, pihak Jabatan juga giat menjalankan penyelidikan, khususnya dalam bidang pembiakan dan pemakanan ternakan serta memperkenalkan kaedah integrasi ternakan di dalam tanaman kekal.

- (c) Usaha-usaha untuk memperbanyakkan pengeluaran beras negara akan ditumpukan untuk meningkatkan produktiviti, kekerapan penanaman, kawalan musuh dan penyakit yang berkesan, mengurangkan kerugian lepas tuai dan memusatkan pengurusan dan memodenkan sistem pengeluaran. Usaha-usaha tersebut akan ditumpukan di lapan kawasan jelapang padi negara dan juga di kawasan-kawasan sawah padi yang terpilih di luar jelapang padi untuk digiatkan dengan tanaman padi.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Soalan tambahan, dalam memperbanyakkan hasil ikan negara Kerajaan telah mengeluarkan lesen laut dalam kepada nelayan-nelayan. Saya difahamkan bahawa pengeluaran lesen laut dalam ini telah dibekukan. Adakah ini benar ataupun tidak? Jika benar, mengapa pembekuan ini dibuat dan apakah syarat-syarat yang telah dikenakan oleh pihak Kementerian dalam mengeluarkan lesen laut dalam dan lesen-lesen perikanan yang lain?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat mengulang soalan yang kedua.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Soalan yang kedua tadi, apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Kementerian untuk mengeluarkan lesen laut dalam dan lesen-lesen selain daripada lesen laut dalam?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, lesen yang dikeluarkan bagi laut dalam itu buat sementara baru difikirkan oleh Kementerian bahawa jumlahnya cukup untuk mengeluarkan sumber perikanan dan juga suatu kuota telah ditetapkan untuk melindungi nelayan-nelayan yang sedia ada di negara kita.

Syarat-syarat yang dikenakan bagi lesen bot laut dalam dan juga lesen-lesen lain adalah mereka mempunyai modal yang cukup, khasnya bagi lesen laut dalam, modal yang cukup ada pengurusan yang boleh diterima dan mereka akan mematuhi peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian, termasuk pembinaan bot itu dilakukan dalam negara.

Bagi lesen-lesen yang lain adalah untuk membantu nelayan-nelayan kecil-kecilan yang sedia ada yang telah membuat urusan penangkap ikan selama beberapa tahun. Semua mereka ini telah dilesenkan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pengeluaran beras negara, saya ingin mengetahui adakah benar Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengurangkan penanaman padi dari segi hektar tanah di seluruh negara memandangkan Kerajaan kita sedang memberi tekanan kepada perindustrian. Dan yang kedua, jika ya, mengikut kajian Kementerian, penanaman padi akan dihadkan kepada beberapa hektar diseluruh negara.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Kerajaan akan menggalakkan

peningkatan produktiviti di tempat-tempat di mana penanaman padi sedang berlaku dan kita tidak menghadkan sesiapa yang berhasrat untuk menanam padi buat masa sekarang. Mereka yang ingin meneruskan penanaman padi, boleh meneruskan. Tetapi kita memberi galakan kepada mereka yang ingin menukar penanaman daripada padi ke lain-lain, kalau mereka fikir pendapatan mereka akan bertambah dengan penukaran penanaman itu.

Dan penanaman padi, walaupun kita tidak galakkan keluasan kawasan itu tetapi kita telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa produktiviti di kawasan-kawasan yang sedia ada dapat dipertingkatkan dan untuk itu kita sedang memodenkan sistem pengurusan dan juga lain-lain yang berkaitan dengan penanaman padi. Buat masa sekarang, Kerajaan telah memutuskan bahawa peratusan padi yang dikeluarkan dalam negara kita, iaitu lebih kurang 70%, adalah mencukupi dan beras-beras yang baki itu dapat diimport.

## GADIS YANG DIPAPORKAN HILANG

**4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah gadis-gadis bawah umur 21 tahun yang telah dilaporkan hilang bagi tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini;
- (b) berapa ramaikah yang dapat dikesan semula;
- (c) nyatakan berapa ramaikah yang terlibat dalam kancah pelacuran; dan
- (d) apakah tindakan Kementerian bagi membanteras sindiket yang melarikan anak-anak gadis untuk tujuan pelacuran di dalam dan di luar negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian:

- (a) mengikut rekod yang ada, semenjak tahun 1987 hingga 1991 (September) seramai 7,944 orang gadis di bawah umur 21 tahun telah dilaporkan hilang oleh keluarga mereka. Antaranya 2,110 orang Cina, 4,030 orang Melayu, 1,643 orang India dan 161 orang lain-lain bangsa.
- (b) Daripada jumlah tersebut seramai 1,714 orang telah dapat dikesan ataupun dijumpai semula.
- (c) Semenjak 1987 hingga 1991 (September) hanya seramai 33 orang gadis yang dilaporkan hilang atau keluar rumah didapati terlibat dalam kegiatan pelacuran. Antaranya 22 keturunan Cina, 8 keturunan Melayu dan 3 keturunan India.
- (d) Tindakan mendakwa di mahkamah terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan melarikan anak-anak gadis adalah diambil sekiranya ada keterangan yang mencukupi hasil dari kerjasama mangsa-mangsa berkenaan. Mereka yang terlibat juga dikenakan tindakan di bawah undang-undang pencegahan. Selain daripada itu tindakan memberi kesedaran kepada golongan remaja dan keluarga mereka dengan menghebahkan kes-kes terbabit melalui media massa juga diambil. Adalah juga penting peranan ibu bapa dalam menjaga pergaulan bebas anak-anak gadis mereka dan memberikan pendidikan agama dan moral secukupnya bagi

mengelakkan kejadian seumpama ini selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui apakah menjadi dasar Kerajaan, di mana kehilangan gadis-gadis di bawah umur 21 tahun ini adalah tanggungjawab Kerajaan. Apakah ianya merupakan tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan bahawa gadis-gadis di bawah umur 21 tahun ini merupakan tugas Kerajaan? Kalau ianya menjadi tugas ataupun dasar Kerajaan, adakah Kementerian Dalam Negeri hendak menyumbang seorang polis bagi setiap buah rumah di seluruh Malaysia bagi mengawal kehilangan gadis-gadis ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, daripada rekod ataupun kajian yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa terdapat faktor utama yang menyebabkan kehilangan gadis ini. Di antara beberapa faktor yang utama itu kebanyakannya adalah kerana terdapat masalah ataupun perselisihan di dalam sesebuah keluarga itu sendiri. Ada juga mereka yang mengikut teman lelaki pergi ke bandar besar dan juga faktor seperti mereka selalu terpicat dengan kehidupan mewah di bandar besar. Mereka pergi meninggalkan keluarga tanpa memberitahu ibu bapa. Kebanyakan faktor itu adalah sebenarnya kalau kita kaji dengan teliti keluarga itu sendiri adalah satu tempat yang penting di mana kaunseling ataupun jagaan ibu bapa dengan cara yang sesuai adalah paling penting sekali. Kerajaan cuma boleh membantu dari segi penguatkuasaan undang-undang, memastikan apa-apa unsur atau faktor yang melibatkan jenayah ataupun sesuatu yang melanggar undang-undang itu. Dari segi pencegahan dan penguatkuasaan itulah

tanggungjawab Kerajaan tetapi kalau dari segi hantar polis pergi ke tiap-tiap keluarga, saya rasa di mana-mana dalam dunia ini pun tidak dapat buatlah.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah ini nampaknya suatu masalah sosial yang sedikit yang boleh dikatakan paling serius sekarang. Pejabat saya di Bandar Kuching baru-baru ini terlibat dalam satu kes yang mana beberapa orang gadis dibawa balik ke Sarawak daripada Johor Bahru di mana gadis-gadis ini bekerja sebagai pelacur dan ditahan di dalam pusat perlindungan gadis-gadis di Johor Bahru.

Soalan saya yang pertama, adakah benar bahawa terdapat sindiket-sindiket tertentu yang menggunakan lelaki muda supaya mereka menjadi teman-teman kepada gadis-gadis yang di bawah umur 21 tahun ini supaya mereka jatuh cinta? Selepas itu gadis-gadis tersebut ditipu, dipaksa oleh lelaki-lelaki itu sehingga lelaki itu kadangkala menggunakan ilmu hitam (black magic) untuk memaksa mereka menjadi pelacur di bandar lain. Jika ya atau jika betul, berapa seriuskan masalah ini dan adakah ini satu tindakan jenayah, bagaimanakah siasatan lanjut yang lebih ketat akan dijalankan untuk mengatasi masalah ini?

Soalah yang kedua, apakah masalah sekarang wujud tentang sindiket teman-teman lelaki muda ini daripada Semenanjung Malaysia pergi ke Sarawak dan Sabah, masuk ke kampung, membawa perempuan-perempuan ini datang ke Johor Bahru ataupun Kuala Lumpur untuk menjadi pelacur-pelacur. Jika ya, apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak polis untuk menyiasat dan mendakwa mereka yang bertanggungjawab?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama yang mengatakan gadis di bawah umur ada terjumpa di Johor Bahru dan dibawa balik ke Kuching terlibat di dalam pelacuran dan juga bagi soalan kedua yang dikatakan ada sindiket-sindiket menggunakan lelaki yang muda, yang molek ataupun handsome untuk mencolek hati gadis, sebenarnya kesemuanya ini sebenarnya adalah diambil berat oleh pihak Polis dan Polis selama ini bergantung kepada kerjasama mangsa-mangsa atau keluarganya untuk memberi maklumat yang cukup di mana pada masa kini Polis sentiasa menggunakan undang-undang seperti Kanun Keseksaan, Women & Girls Protection Act 1973, Minor Offences Act, Akta Imigresen dan Akta Kediaman Terhad untuk menjalankan penguatkuasaan.

Tetapi apa yang penting di sini bukan hanya kerja Polis untuk mendapat tahu semua kes. Kita perlukan laporan ataupun kerjasama daripada pihak-pihak yang terlibat. Jika sekiranya ada di Sarawak terdapat kes yang begitu serius, saya mencadangkan supaya mereka yang mempunyai maklumat itu berhubung dengan Polis di Sarawak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Polis telah membuat banyak serbuan terutamanya sejak tiga tahun ini iaitu dalam tahun 1989 sebanyak 8,016 kali serbuan telah dibuat; tahun 1990, 9,659 serbuan telah dibuat dan sehingga Jun 1991 ini 5,360 serbuan telah dibuat ke tempat-tempat yang kita syaki mungkin terdapat gadis-gadis yang hilang.

Dan juga di bawah Akta Kediaman Terhad, kita telah menahan dan menguatkuasakan terhadap ketua-ketua sindiket di mana 10 ketua sindiket telah ditahan di bawah Akta Kediaman Terhad pada tahun 1989, 14 orang pada tahun 1990 dan setakat Jun 1991 ini, 10 orang ketua sindiket telah ditahan.

Dengan angka-angka yang saya sebutkan, langkah-langkah dan bilangan serbuan yang telah dibuat, adalah jelas sekali bahawa memang Kerajaan dan Polis sangat mengambil berat tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, pihak Polis masih mengalu-alukan jika ada apa-apa cadangan yang lebih baik daripada orang awam dan kita sentiasa dengan secara terbuka akan menerima cadangan.

### USAHAWAN MUDA

**5. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang memperkenalkan program baru bagi melahirkan usahawan muda di negara ini; dan
- (b) jika ada, bilakah program ini akan dilancarkan dan apakah bentuk-bentuk program yang dirancangan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian Perusahaan Awam memang sedang melaksanakan program-program bagi melahirkan usahawan muda. Antara program yang sedang dilaksanakan ialah Program Usahawan Muda untuk pelajar-pelajar sekolah menengah dan Program Usaha Siswa untuk penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi tempatan. Program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk memberi kesedaran serta penghayatan yang lebih baik kepada generasi muda tentang peranan keusahawanan dan bekerja sendiri dalam dunia perniagaan. Program ini juga bertujuan menggalakkan pembangunan peribadi, membentuk sikap, kemahiran dan kebolehan yang sesuai supaya generasi muda dapat diperlengkapkan untuk menyesuaikan

diri dan mengambil peluang mengikut perubahan dalam dunia perniagaan selepas tamat pengajian.

Kementerian ini juga sedang merancang untuk memperkenalkan beberapa program baru di masa akan datang. Antaranya ialah Program Keusahawanan untuk pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, menubuhkan Taman Usahawan Muda dan Kelab Usahawan Muda serta pelaksanaan Program Usahawan Siswazah. Kesemua program yang dinyatakan ini adalah bertujuan untuk melahirkan usahawan muda atau pelapis di negara ini pada masa akan datang.

Program yang dirancangan selain dari Program Usahawan Muda bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Program Usaha Siswa adalah masih di peringkat konsep dan jika semuanya berjalan dengan baik ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1992. Bentuk-bentuk program apabila dilaksanakan kelak adalah seperti berikut:

Program Keusahawanan Bagi Pelajar Malaysia di Luar Negeri lebih merupakan kursus jangka pendek semasa cuti semester. Kursus ini bertujuan memberi asas terhadap peranan keusahawanan, peluang-peluang dalam dunia perniagaan yang boleh dikenalpasti di negara pengajiannya dan boleh dimajukan di negara ini serta kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi untuk memulakan perniagaan.

- Projek Taman Usahawan Muda pula akan dilaksanakan oleh salah satu agensi di bawah Kementerian ini dengan penyediaan ruang kilang bagi belia-belia setempat untuk memulakan pengeluaran masing-masing bagi tempoh tertentu sebelum mereka boleh berdikari. Malah program ini juga sedang dilaksanakan oleh pihak MARA

yang dikenali sebagai Pusat Inkubator terutama untuk usahawan baru dalam bidang perdagangan dan perkhidmatan.

- Penubuhan Kelab Usahawan Muda pula bertujuan untuk menyatukan kalangan usahawan baru, bakal usahawan dan mereka yang berminat dalam bidang keusahawanan bagi memupuk semangat kerjasama dan saling membantu antara mereka. Sebagai percubaan, Kelab Usahawan Muda telahpun dirasmikan penubuhannya di Terengganu pada tahun ini.
- Program Usahawan Siswazah telah dimasukkan sebagai salah satu program di bawah peruntukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera untuk kelulusan selanjutnya. Program yang dirancang ini memberi pendedahan kepada perniagaan melalui latihan praktikal secara sangkutkerja disamping latihan teori dalam pengurusan perniagaan secara am.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk membangunkan dan melahirkan usahawan baru bumiputera. Persoalan saya ialah, adakah Kerajaan mempunyai satu strategi dan pendekatan yang khusus untuk membangun usahawan-usahawan bumiputera dalam bidang-bidang yang berpotensi dan strategik seperti bidang-bidang hi-tech and information technology.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Pembangunan Usahawan dalam Kementerian Perusahaan Awam telahpun melakukan beberapa perkara, di antaranya cuba meningkatkan pembangunan keusahawanan dan

budaya niaga, terutamanya di kalangan masyarakat bumiputera, dengan memberi kepimpinan di peringkat dasar, strategi dan program yang dilaksanakan yang mana telah mengambilkira tentang perubahan-perubahan trend baru yang juga mengambilkira tentang keperluan untuk menyediakan tenaga kerja baru bagi menghadapi perubahan dari segi hi-tech. Jadi, ini sudah dan sedang dirancang dan akan dilaksanakan bersepadu dengan program-program seperti yang saya sebutkan tadi untuk memberi tumpuan kepada aspek gunatenaga kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Philip Yong Chiew Lip.

*(Soalan No. 6. Tuan Philip Yong Chiew Lip tidak hadir)*

#### PERKHIDMATAN WAJIB DALAM ANGKATAN TENTERA

**7. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan tempoh perkhidmatan wajib bagi anggota tentera sehingga 21 tahun untuk membolehkan mereka mendapat pencen sesudah mereka bersara dari perkhidmatan. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan di dalam Angkatan Tentera adalah secara sukarela. Oleh yang demikian, prinsip yang dipegang untuk menggubal syarat-syarat perkhidmatan disusun sesuai dengan prinsip sukarela tersebut. Buat masa ini, syarat-syarat yang dipakai adalah seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan permulaan 10 tahun penuh masa dan 2 tahun sebagai perkhidmatan simpanan.

- (b) Seseorang yang masih berminat boleh memohon menyambung perkhidmatan kepada 15 tahun, 18 tahun dan seterusnya sehingga 21 tahun apabila anggota berkenaan semasa bersara akan diberi faedah pencen.
- (c) sebaliknya, jika seorang anggota itu memilih untuk berhenti lebih awal sebelum mencapai perkhidmatan 21 tahun, maka beliau tidak akan layak menerima pencen melainkan di dalam keadaan-keadaan tertentu.
- (d) Apabila mencapai perkhidmatan 21 tahun, seorang anggota boleh juga memohon untuk meneruskan perkhidmatan melebihi 21 tahun ke umur 45 tahun dan selanjutnya dari umur 45 tahun hingga ke umur 50 tahun tertakluk kepada keperluan dan kelulusan pihak atasan.

Tempoh perkhidmatan secara berperingkat-peringkat seperti yang dijelaskan adalah untuk membolehkan anggota dan Angkatan Tentera mempunyai pilihan atas prinsip sukarela yang dipegang untuk memberi:

- (a) Unsur "flexibility" bagi membolehkan anggota itu memilih sama ada untuk terus berkhidmat sehingga beliau layak menerima pencen atau menamatkan perkhidmatannya lebih awal lagi di atas sebab-sebab tertentu.
- (b) Pilihan untuk membuat keputusan kerana peluang kenaikan pangkat adalah terhad. Daripada 4,000 jumlah rekrut yang diambil, hanya 30% akan berpeluang menikmati kenaikan pangkat. Jika perkhidmatan wajib sehingga 21 tahun dibenarkan bermakna 70%

daripada anggota akan bersara sebagai anggota biasa, keadaan ini patut dielakkan.

- (c) 'Prerogative' dan keistimewaan kepada Angkatan Tentera untuk memilih anggota-anggota yang berkelayakan, berminat, rela dan bersedia menghadapi sebarang rintangan sahaja untuk terus berkhidmat sehingga pencen.
- (d) Satu alternatif kepada Kementerian Pertahanan jika sesuatu keadaan timbul di mana kekuatan Angkatan Tentera perlu diperkecilkan kerana sebab-sebab kewangan atau kurang ancaman maka tindakan dapat diambil di dalam jangka yang pendek kerana peringkat perkhidmatan yang ada akan dengan sendirinya memenuhi keperluan.

Oleh itu, Angkatan Tentera belum merancang untuk mewajibkan perkhidmatan anggota tentera terus ke 21 tahun untuk membolehkan mereka mendapat pencen sesudah mereka bersara dari perkhidmatan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah pendirian ataupun dasar Kerajaan ataupun Kementerian Pertahanan berhubung dengan tempoh perkhidmatan bagi anggota-anggota Tentera yang berkhidmat di dalam bahagian teknikal ataupun dari bahagian profesyen yang begitu penting dalam Angkatan Tentera, adakah mereka ini juga diberi kelonggaran ataupun diletakkan di bawah syarat-syarat yang sama kerana baru-baru ini kita lihat banyak tenaga-tenaga penting anggota-anggota tentera yang mahir telah meninggalkan perkhidmatan tentera.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, mereka diletakkan atas prinsip yang sama kerana kalau kita

mengenakan prinsip yang terlalu ketat, mungkin mereka tidak akan memohon masuk langsung dalam Angkatan Tentera.

**Puan Hajah Ilani binti Datuk Haji Isahak:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu, apakah pihak Kementerian bercadang untuk mendedahkan kepada anggota tentera yang tidak layak menerima pencen tetapi akan bersara, pendedahan kepada dunia usahawan dan juga latihan kepada mereka supaya mereka dapat menyara hidup yang lebih baik setelah mereka berkhidmat dengan tentera.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini memang sudah ada dan sudah berjalan agak sekian lama dan mereka diberi latihan peralihan selama sekurang-kurangnya tiga bulan di mana mereka diberi latihan yang sesuai supaya mereka dapat menampung kehidupan selepas persaraan mereka.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Bagi anggota tentera yang membuat pilihan berkhidmat kurang daripada 21 tahun, iaitu tanpa pencen. Apakah ganjaran yang mereka terima ataupun ganjaran yang telah diperolehi oleh mereka itu? Adakah Yang Berhormat Menteri pernah mendengar rungutan ataupun permintaan. Jika ada ganjaran yang sudahpun diberi seperti sekarang untuk ditimbang semula supaya ganjaran itu ditambah ataupun lain-lain kemungkinan supaya khidmat mereka ini sesuai dengan Pasukan Keselamatan negara dihargai ke peringkat maksima mungkin.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berhenti kurang daripada 21 tahun mendapat ganjaran daripada Kerajaan mengikut kadar

sesuai dengan tempoh perkhidmatan dan pangkat yang mereka sandang. Dan di samping itu bagi lain-lain pangkat, mereka menerima ganjaran dari simpanan mereka dalam Tabung LTAT. Jadi, dua punca ini adalah difikirkan agak mencukupi. Walau bagaimanapun, memang menjadi hasrat kita untuk sentiasa mengkaji dari masa ke semasa perkhidmatan untuk Angkatan Tentera.

## ORDER BARU DUNIA

**8. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah dia maksud order baru dunia dan juga peranan Malaysia pada masa hadapan terhadap order baru dunia yang berkemungkinan dikuasai oleh negara-negara kuasa dunia. Adakah pada pandangan beliau bentuk baru kuasa dunia ini akan menjejaskan keselamatan, ekonomi dan politik negara-negara membangun seperti Malaysia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, order baru dunia yang adil dan saksama ialah satu keadaan ekonomi dan politik antarabangsa yang boleh menjamin kepentingan semua negara tidak kira yang besar atau yang kecil, yang sudah maju atau yang sedang membangun. Hasrat Malaysia ialah supaya wujudnya satu order baru yang mengengahkan peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam usaha-usaha memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa serta pembangunan sosio-ekonomi antarabangsa yang saksama. Malaysia akan berusaha bersama negara-negara membangun yang lain di berbagai forum antarabangsa supaya apa jua order baru dunia yang timbul kelak adalah satu order yang tidak menjejaskan keselamatan dan ekonomi antarabangsa, khususnya keselamatan dan ekonomi negara-negara membangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di forum antarabangsa baru-baru ini khasnya di Mesyuarat Kemuncak G15 di Caracas, CHOGM di Harare dan juga di Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia ada kemukakan pandangan yang membayangkan Malaysia menentang kemarahan demokrasi menidakkan kerelevantnya hak-hak asasi dalam negara-negara membangun dalam order dunia baru ini. Bolehkah Kerajaan memberitahu kenapa Kerajaan Malaysia atau Malaysia ikhtiar muncul sebagai suara, juara spokesmen dan champion negara-negara dunia ketiga yang tidak demokratik, malah authoritarian yang menindas hak-hak asasi penduduk-penduduk mereka. Kenapa mahu ambil pendirian semacam ini?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sikap Kerajaan kita dan tidak lain tidak bukan untuk memperjuangkan hak semua peringkat dan lapisan masyarakat—tidak kira di mana mahupun di Malaysia, begitu juga di lain-lain negara seluruh dunia. Dan ini satu tindakan dan satu pendirian yang bukan baru dibuat oleh Malaysia. Sejak awal-awal lagi kita memang tegas di atas pendirian kita yang mahukan dunia lebih adil, lebih saksama dari segi politiknya, ekonominya mahupun dari segi hak kemanusiaan. Maka tidak hairanlah mengapa Perdana Menteri walau di manapun beliau berucap, menekankan isu yang sama, pendirian yang sama. Saya tidak faham mengapa pihak Ketua Pembangkang masih tidak faham lagi, tidak mengerti lagi. Pendirian Malaysia yang begitu jelas, begitu tegas dan begitu terang, iaitu kita memang consistence.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat tidak tangkap soalan saya ialah kenapa Malaysia berikhtiar mahu menjadi suara yang menentang demokrasi hak asasi di dunia ketiga.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak sekali-kali pun menentang hak asasi dunia yang ketiga, sebaliknya saya ulangi lagi, pihak Ketua Pembangkang tidak faham peranan dan pendirian dasar luar Malaysia.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kemungkinan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di ketiga-tiga tempat yang dirujuk tadi bermaksud bahawa yang kita tentang ialah pentafsiran hak asasi manusia mengikut pandangan satu pihak sahaja, iaitu mengikut pandangan Amerika ataupun pandangan Barat, kerana hak asasi manusia adalah berbeza-beza mengikut nilai-nilai masyarakat yang berbeza-beza di dunia. Contohnya bagi Amerika, perhubungan homosexual, perkahwinan lelaki sama lelaki, wanita sama wanita adalah hak asasi. Adakah pihak DAP menganggap ini sebagai hak asasi kepada masyarakat Malaysia?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak akan ikut hak asasi itu .....(*Diganggu*) tidak boleh jadi satu alasan untuk menentang hak asasi rakyat di dunia. Itu saya jelaskan. Ini kita setuju ..... Apa itu, kelakuan yang biadab. Tanya, saya jawab. Itu kita setuju.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan pendapat sahabat saya Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh yang mengatakan sememangnya kita memang tidak bersetuju di atas pentafsiran hak asasi manusia yang di bawa secara ala-Barat, tidak setuju. Sebab itu mengapa Perdana Menteri begitu lantang menyuarakan pendapat kita. Kita juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat yang sama juga tentang kita memang tidak mahu hak asasi manusia seperti yang diamalkan di Barat di bawa ke negara kita.

## PELABUHAN KEMAMAN

**9. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sila terangkan bukti rancangan pembinaan pelabuhan di Kemaman dari segi saiz, perbelanjaan, bila ia akan dimulakan dan bila dijangka siap untuk beroperasi dan jenisnya;
- (b) bagaimana Kemaman dipilih sebagai tapak pelabuhan baru sedang ia telalu hampir dengan pelabuhan Kuantan dan sejauh mana pelabuhan di Kemaman tidak menjejaskan pelabuhan Kuantan;
- (c) tidakkah pembinaan pelabuhan di Kemaman itu satu daya bagi mengelakkan keperluan sebuah lagi pelabuhan bagi Kelantan; dan
- (d) adakah Kerajaan bersedia mengalih tapak itu ke Kelantan memandangkan Kemaman adalah terlalu dekat dengan Kuantan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan Ahli Yang Berhormat ini agak ketinggalan zaman kerana Pelabuhan Kemaman telahpun siap dibina pada bulan Oktober, 1984 dan sedang beroperasi sekarang ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Kemaman terletak berhampiran dengan kawasan perusahaan Teluk Kalong, Kemaman, Terengganu.

Pada ketika ini, terdapat tiga terminal di pelabuhan tersebut iaitu:

### (a) Dermaga Timur

Mempunyai kemudahan dermaga sepanjang 630m dengan kedalaman air 14.5m yang boleh mengendalikan kapal-kapal sehingga

120,000 Dead Weight Tonnes (DWT). Dermaga ini digunakan untuk mengendalikan bahan-bahan mentah yang diimport serta mengeksport bahan-bahan siap bagi industri-industri yang ada di kawasan perusahaan Teluk Kalong dan kawasan yang berhampiran.

### (b) Pengkalan Perbekalan Petroliaam

Pengkalan ini mempunyai dermaga sepanjang 380m dengan kedalaman air 8m yang mampu mengendalikan kapal-kapal sehingga 30,000 DWT. Pengkalan ini adalah dikhaskan untuk mengendalikan kapal-kapal yang terlibat dengan industri carigali dan pengeluaran petroliaam yang banyak terdapat di kawasan perairan Pantai Timur.

### (c) Terminal Eksport Gas Cecair Petroleum

Bagi mengendalikan eksport gas cecair petroleum yang banyak terdapat di kawasan luar pantai Negeri Terengganu, Petronas telah membina Terminal Eksport Gas Cecair Petroleum yang telah disiapkan pada tahun 1985.

- (b) untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk membina Pelabuhan Kemaman pada tahun 1981. Pada asalnya kemudahan-kemudahan di Pelabuhan Kemaman adalah bertujuan untuk mengendalikan kapal-kapal yang terlibat dengan industri carigali dan pengeluaran petroleum di Pantai Timur. Pelabuhan ini dianggap sebagai 'specialised port',

dengan izin, untuk kargo-kargo jenis ini. Dengan yang demikian, Pelabuhan yang tersebut telah tidak diletakkan di bawah mana-mana Lembaga Pelabuhan sebagaimana pelabuhan-pelabuhan lain. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan industri di kawasan berdekatan yang akan meningkat pengeluaran kargo yang mungkin memerlukan pembesaran dan pertambahan kemudahan kemudahan pelabuhan, Kerajaan berpendapat adalah lebih teratur bagi Pelabuhan ini diletakkan di bawah pentadbiran Lembaga Pelabuhan Kuantan. Dengan cara ini dapat mengelakkan persaingan yang tidak sihat serta memastikan perancangan yang bersepadu dan terselaras.

Perluasan kuasa Lembaga Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Kemaman adalah sama dengan yang dibuat kepada Pelabuhan Melaka pada tahun 1983 apabila ia diletakkan di bawah Lembaga Pelabuhan Kelang. Perluasan kuasa ini akan membolehkan Lembaga Pelabuhan Kuantan membekal perkhidmatan tertentu seperti keselamatan perairan, permaliman dan khidmat tunda. Lembaga Pelabuhan Kuantan juga bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pembangunan Dermaga Timur. Sementara Pangkalan Perbekalan Petroleum dan Terminal Eksport Gas Cecair Petroleum masih dikendalikan oleh pengurusan yang ada sekarang.

- (c) Saya menganggap soalan ini mempunyai sangkaan yang buruk terhadap Kerajaan. Walaupun satu pelabuhan tidak jadi dibuat di Kelantan iaitu di Kemasin atas saranan Kajian

Pelabuhan Kebangsaan, tetapi seperti yang telah saya jawab kepada soalan Yang Berhormat pada 2hb Disember yang lalu sebuah jeti baru sedang dibina di Kuala Besar yang berharga \$3.5 juta untuk menampung keperluan-keperluan.

- (d) Tidak berkaitan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat di antara Pelabuhan Kemaman dengan Kuantan ini dekat-sangat-sangat dekat, apakah dari segi strategik atau dari segi ekonomik yang membolehkan Kerajaan membagunkan Pelabuhan Kemaman, kenapa tidak di Kelantan;

Soalan yang kedua, dari segi income di antara Pelabuhan Kemaman dengan Pelabuhan Kuantan sehingga setakat ini adakah Pelabuhan Kuantan itu lebih baik ataupun Pelabuhan Kemaman itu lebih baik, walaupun dia diletakkan di bawah satu pentadbiran?

Saya merasakan perletakan di bawah satu pentadbiran ini adalah kerana Kerajaan mencari helah atau merupakan satu excuse daripada Kerajaan kerana kalau kita drive dari Pelabuhan Kemaman ke Pelabuhan Kuantan, hanya satu jam sahaja boleh sampai. Saya rasa dari segi ekonomiknya paling tidak patut.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan lagi mengatakan bahawa memang pihak Pembangkang ini mempunyai sangkaan buruk kepada Kerajaan.

Sebenarnya saya sudah sebut dalam jawapan saya tadi, Pelabuhan Kemaman ini adalah specialised port yang mengendalikan gas cecair, petroleum, industri-industri besi waja

dan sebagainya di sekitarnya. It is a specialised port, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan kedapatan di situ airnya dalam kerana bukan mudah untuk mendapatkan pelabuhan air dalam yang tidak memerlukan untuk sentiasa dikorek, ada tempat-tempat itu airnya tidak dalam dan terpaksa dikorek, (*Ketawa*) jadi ini satu keistimewaan dan kemudahan (*Ketawa*). Apa salahnya 'korek' itu? (*Ketawa*) Memang kapal korek digunakan di merata-rata. (*Ketawa*) Orang Terengganu marah kerana permukaan Sungai Terengganu sudah tersumbat, sudah sebu tidak dikorek. Jadi perkataan 'korek' saya rasa popular (*Ketawa*)

Mengenai income, saya minta maaf, saya tidak ada maklumat-maklumat itu di sini, tetapi dari segi pengendalian kargo bolehlah saya berikan iaitu mengikut ketiga-tiga Terminal itu kalau dibandingkan tahun 1989, 1990 dan 1991 jumlah kargo yang di-kendalikan adalah seperti berikut:

#### Tahun 1989

Kemaman Supply Base	- 384,594 tan
Dermaga Timur	- 672,952"
Terminal Eksport LPG	- 308,258"

#### Tahun 1990

Kemaman Supply Base	- 376,479 tan
Dermaga Timur	- 603,406"
Terminal Eksport LPG	- 287,049"

#### Tahun 1991 (Schingga September)

Kemaman Supply Base	- 424,195 tan
Dermaga Timur	- 688,771"
Terminal Eksport LPG	- 177,172"

Itulah maklumat yang dapat saya berikan dan sekali lagi saya ingin menekankan bahawa ia adalah specialised port, dengan izin, dan mempunyai keistimewaan-keistimewaannya sendiri.

## BELIA—LATIHAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI TINGGI

10. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) cadangan Kementerian untuk memberikan latihan kemahiran berteknologi tinggi dan sama ada latihan tersebut boleh dicapai di peringkat pertubuhan belia di bawah program kemahiran industri tempat an (local industry training skill program);
- (b) bilangan belia yang dicadangkan diberikan latihan di bawah program ini; dan
- (c) lunjuran dan rancangan Kementerian Belia dan Sukan untuk
  - (i) menambahkan bilangan pusat kemahiran sebagai tambahan kepada 7 pusat yang sedia ada;
  - (ii) menambahkan bilangan peserta di satu-satu pusat daripada 4,000 orang setahun seperti yang sedia ada.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang yang mula beroperasi pada 27 Mei pada tahun yang lepas khusus untuk latihan kemahiran teknologi tinggi. Sebanyak 12 jurusan dikendalikan oleh Institut tersebut. Di samping itu, Kementerian juga akan mempertingkatkan latihan-latihan di enam buah Institut-institut Kemahiran Belia Negara yang sedia ada bagi melahirkan tenaga mahir untuk keperluan sektor industri negara.

Di peringkat Pertubuhan Belia, Kementerian juga memberi latihan kemahiran industri tempatan di peringkat asas bagi tujuan mewujudkan belia berkakari.

Kementerian memang telah bekerjasama dengan sektor swasta untuk memberikan latihan kemahiran mengikut keperluan dan permintaan semasa.

- (b) Bilangan belia yang telah dan sedang mengikuti latihan dalam pelbagai jurusan kemahiran tinggi di Sepang sehingga kini ialah seramai 97 orang sahaja.

Mengikut perancangan Kementerian, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang akan melatih lebih kurang 200 belia setiap tahun. Manakala di bawah Program Kemahiran Industri Tempatan seramai 1,000 orang belia dilatih setiap tahun.

- (c) Kementerian Belia dan Sukan memang berhasrat untuk menambahkan belia negara di samping menambahkan pengambilan pelatih di Institut yang sedia ada. Sebagai permulaan dalam Rancangan Malaysia Keenam, dua institut yang baru akan diwujudkan di Wakaf Tapai, Terengganu dan di Bandar Seri Iskandar, Perak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai kakitangan yang cukup dan terlatih untuk melatih ataupun untuk menguruskan Program Latihan Kemahiran Belia seperti yang dirancang sekarang ini? Adakah mempunyai kakitangan yang terlatih dalam bidang yang dimaksudkan ini seperti yang terdapat di lain-lain Kementerian?

Saya bertanya soalan ini oleh sebab saya bimbang tumpuan Kementerian Belia dan Sukan nanti kepada yang pertamanya belia, dengan kakitangannya yang tidak cukup, lepas itu sukan lagi dan akhirnya sukan pun tidak jadi, belia pun tidak jadi.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak payah bimbanglah (*Ketawa*) kerana kita ada pelatih-pelatih yang cukup.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa bimbang di atas perkara ini walaupun Timbalan Menteri minta jangan bimbang. Jadi, saya hendak tahu kalau boleh, berapa banyakkah jumlah jurulatih-jurulatih yang terlatih yang dikhususkan untuk Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di Sepang yang ada sekarang?

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Parit Sulong, di Institut Kemahiran Tinggi Sepang, selama sudah satu tahun kita mengadakan kursus itu kita telah dapat lebih kurang 10 orang pelatih di sana. Oleh kerana saya tidak ada angka yang tepat, saya bagi jawapan sekadar lebih kurang sahaja. Kita telah dapat sejumlah itu yang ditrain atau dilatih di India dan sekarang mereka telah balik ke negara kita.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah kriteria yang diambil untuk memilih peserta-peserta di bawah Program Latihan Kemahiran ini. Adakah kesempatan akan diberi kepada belia berbagai kaum dan, kedua, antara bilangan yang diberi tadi, apakah perpecahan kaum di antara bilangan ini?

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kelayakan peserta ialah

belia-belia yang telah dilatih oleh Pusat Dusun Tua yang telah tamat latihan atau lepasan di Dusun Tua dan di 7 IKBN di negara kita.

**Dr Kua Kia Soong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sudah dijawab.

**Dr Kua Kia Soong:** Tidak ada jawapan langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia sudah jawab. Ada tambahan lagi?

**Seorang Ahli:** Jawapan terkeluar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sabar, sabar...

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, kerana Ahli Yang Berhormat tersebut tanya bagaimana kelayakan atau kriteria-kriteria peserta itu, saya jawab kriteria itu ialah lepasan daripada Latihan Kemahiran Pusat IKBN.

**Dr Kua Kia Soong:** Saya tanya, adakah kesempatan akan diberi kepada belia berbagai kaum dan kedua, antara bilangan di bawah ini apakah perpecahan kaum?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Dr Kua Kia Soong:** Dia belum jawab!

**Cik Teng Gaik Kwan:** Memang ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah, sudah dijawab. Kita ada masa untuk satu soalan sahaja lagi.

## NELAYAN—KESALAHAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG PERIKANAN

**11. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa para nelayan tempatan yang didakwa melakukan kesalahan di bawah undang-undang perikanan tidak dibenarkan mengurus dan menjaga harta-benda mereka seperti motorbot, pukot dan alat kelengkapan lain, dan harta-benda mereka ini tidak pula dikawal oleh pihak berkuasa perikanan atas alasan bahawa barang-barang itu merupakan barang kes untuk perbicaraan mahkamah; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa harta-benda mereka itu akan rosak akibat pasang surut dan gelombang air laut di tempat motorbot itu berlabuh, dan lain-lain barang dalam motorbot tersebut dicuri oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti yang pernah berlaku kepada para nelayan di Kelantan.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membenarkan nelayan-nelayan tempatan yang telah didakwa melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 untuk mengurus dan menjaga harta-benda mereka seperti vesel menangkap ikan, pukot dan alat-alat kelengkapan yang lain oleh kerana barang-barang yang tersebut di atas adalah merupakan barang-barang kes yang hendak dikemukakan kepada Mahkamah sebagai bukti kes. Walau bagaimanapun, vesel menangkap ikan boleh dijamin keluar dengan adanya jaminan mahkamah ataupun mengikut Seksyen 50 Akta Perikanan 1985.

Adalah tidak benar dengan kenyataan bahawa barang-barang kes yang tersebut di atas tidak dikawal oleh pihak berkuasa perikanan. Barang-barang kes ini adalah penting untuk membuktikan sesuatu kesalahan yang dilakukan dan kehilangan salah satu daripada barang kes yang tersebut di atas akan menjejaskan pendakwaan kes tersebut.

Harta-benda ataupun vesel menangkap ikan yang disita itu akan dilabuh di pengkalan-pengkalan perikanan dan adalah terdedah kepada gelombang air laut dan juga air pasang surut. Walau bagaimanapun, tempat-tempat simpanan vesel-vesel menangkap ikan ini adalah juga tempat vesel-vesel ronda perikanan berlabuh. Kerosakan vesel adalah disebabkan oleh keadaan semulajadi dan bukannya sengaja dirosakkan. Barang-barang rampasan yang lain seperti pukat, alat-alat kelengkapan yang lain akan disimpan dalam setor. Jika barang-barang ini dicuri, maka pendakwaan kes berkenaan akan terjejas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No.6 dan 12 hingga 23 adalah diberi di bawah ini)*

#### **GURU-GURU SEKOLAH CINA— PENGAKUAN KERAJAAN**

**6. Tuan Philip Yong Chiew Lip** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan masa depan guru-guru yang belum mendapat pengakuan daripada Kerajaan, adakah tindakan yang positif diambil untuk mencari penyelesaian masalah kebimbangan guru-guru ini khasnya guru-guru dari Sekolah Cina.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan ada mengambil tindakan yang positif untuk menyelesaikan masalah kebimbangan guru-guru khasnya dari Sekolah Cina yang belum mendapat pengakuan daripada Kerajaan.

Di antara langkah-langkah yang telah pihak Kementerian Pendidikan ambil bagi menyelesaikan masalah ini ialah seperti berikut:

- (i) Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah dilantik tetap yang berumur 40 hingga 54 tahun tetapi belum disahkan dalam perkhidmatannya kerana tidak lulus dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM, akan diberi Kursus Khas Bahasa Malaysia bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.
- (ii) Bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang memenuhi beberapa syarat tertentu akan diberi keutamaan memasuki maktab perguruan.

#### **NAHAS KAPALTERBANG TENTERA UDARA SINGAPURA DAN PENCEROBOHAN**

**12. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah nahas udara yang melibatkan kapalterbang daripada Angkatan Tentera Bersenjata Udara Singapura yang berlaku di dalam Negeri Johor dan berapakah jumlah pampasan yang dibayar kepada penduduk-penduduk yang terancam atau kepada Kerajaan Malaysia dari tahun 1988 sehingga kini, sekiranya ada; dan

- (b) berapa banyakkah pencerobohan yang telah dilakukan oleh Angkatan Bersenjata Singapura dari tahun 1988 sehingga kini dan adakah Kerajaan menuntut sebarang pampasan atau gantirugi.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Dari tahun 1988 hingga 1991 hanya satu nahas telah berlaku iaitu pada 2 September 1991 jam 1527 bertempat di Kampong Pasir Puteh, Gelang Patah, Johor yang melibatkan sebuah Jet F5E Tentera Udara Singapura. Sebagaimana yang telah dimaklumkan bahawa punca utama kemalangan ini berlaku adalah disebabkan kerosakan teknikal pada pesawat tersebut.

Mengenai jumlah pampasan pula, sukacita dijelaskan bahawa Kementerian ini tidak dapat memberi butiran kerana ianya menjadi tanggungjawab dan urusan Kerajaan Negeri Johor untuk menuntut pampasan tersebut dengan pihak berkuasa Singapura.

- (b) Sebagaimana yang telah saya jelaskan beberapa kali kepada Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada berlaku sebarang pencerobohan sama ada di darat, udara atau laut oleh mana-mana tentera asing.

#### **KADAR FAEDAH PINJAMAN KENDERAAN—KENAIKAN**

**13. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Apakah tujuan atau matlamat Bank Negara menaikkan kadar pinjaman kenderaan melebihi

10% dan tempoh pembayaran balik yang singkat iaitu dari lima keempat tahun;

- (b) Adakah dengan kadar baru ini akan mengurangkan beban dari pengguna-pengguna yang berpendapatan rendah; dan

- (c) Tidak ada pengecualiankah terhadap pembelian kereta nasional dan adakah kajian dibuat terhadap kesannya terhadap pasaran kereta tersebut.

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):**

- (a) Saya ingin menjelaskan bahawa Bank Negara Malaysia tidak pernah mengeluarkan arahan untuk menaikkan kadar faedah pinjaman kenderaan kepada melebihi 10% setahun iaitu sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya kadar faedah pinjaman kenderaan itu tidak ditetapkan oleh Bank Negara tetapi ditetapkan oleh institusi-institusi kewangan sendiri dengan tertakluk kepada Akta Sewa-Beli 1967. Peraturan-peraturan baru yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 15 Ogos lalu adalah mengenai kaedah pembiayaan pinjaman kenderaan di mana jumlah pembiayaan hendaklah tidak melebihi 75% daripada kos pembelian kenderaan dan tempoh pembayaran balik pinjaman hendaklah tidak melebihi 4 tahun. Peraturan-peraturan baru ini diperkenalkan untuk mengurangkan pertumbuhan bekalan wang dan permintaan penggunaan yang berlebihan serta untuk mengurangkan tekanan inflasi.

- (b) Dengan peraturan-peraturan baru itu bakal-bakal pembeli kenderaan perlu meningkatkan simpanan wang mereka ke paras yang lebih tinggi sebelum memohon pinjaman untuk membiayai pembelian kenderaan. Ini akan membantu memperlahankan permintaan ke atas kredit oleh sektor swasta untuk tujuan penggunaan dan secara tidak langsung akan mengurangkan tekanan inflasi.
- (c) Peraturan baru itu dikenakan ke atas semua jenis kenderaan tanpa sebarang pengecualian. Ini adalah untuk memastikan bahawa matlamat peraturan itu dapat dicapai dengan berkesan. Kementerian Kewangan mendapati bahawa setakat ini, peraturan baru itu tidak menjejaskan pasaran kereta nasional memandangkan bilangan unit yang dijual dalam bulan-bulan Ogos hingga November adalah melebihi bilangan unit yang dijual dalam bulan Julai tahun ini, iaitu sebelum peraturan-peraturan baru itu dikuatkuasakan.

Bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa jualan kenderaan persendirian secara keseluruhannya menurun sedikit dalam bulan September berbanding dengan bulan Ogos tahun ini.

#### TELEFON AWAM LUAR BANDAR

14. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memberikan telefon awam di kawasan luar bandar yang boleh digunakan untuk memanggil dan menerima panggilan. Telefon yang ada sekarang hanya untuk panggilan sahaja tidak memberikan banyak manfaat kepada rakyat.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar kebanyakan telefon awam luar bandar banya boleh digunakan untuk membuat panggilan sahaja. Keadaan ini sengaja diadakan atas sebab-sebab berikut:

- (a) Pada konsepnya kegunaan sebuah telefon awam adalah untuk membuat panggilan yang perlu sahaja. Telefon awam tidak bertujuan menyediakan kemudahan perhubungan dua hala;
- (b) Sifat telefon awam sebagai telefon untuk kegunaan orang ramai dan yang terletak di tempat awam membuatnya tidak sesuai dan praktikal untuk digunakan bagi menerima panggilan. Adalah rumit dan memakan masa untuk mengenal pasti dan menghubungi orang-orang tertentu yang dipanggil.
- (c) Banyak kes-kes penyelewengan telah berlaku di mana telefon awam digunakan untuk membuat "collect call" terutamanya bagi panggilan dari luar negeri. Hal ini merugikan pihak Telekom Malaysia.

Walau bagaimanapun pihak Telekom Malaysia bersedia dalam keadaan-keadaan tertentu seperti berikut:

- (a) Di kawasan-kawasan di mana tidak terdapat kemudahan telefon yang lain seperti telefon di rumah Penghulu, Klinik, kedai kopi dan lain-lain;
- (b) apabila ada permohonan daripada sesuatu kawasan dan ada pihak tertentu yang ber-setuju bertanggungjawab ke atas telefon awam berkenaan.

## LAWATAN MENTERI KEWANGAN KE VIETNAM

**15. Tuan Abdul Malek bin Munip** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil jangka pendek dan jangka panjang lawatan beliau ke Vietnam baru-baru ini.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tujuan lawatan saya ke Vietnam dari 20-24 Ogos tahun ini adalah untuk memenuhi jemputan rasmi Kerajaan dan menghadiri seminar anjuran Information Resource Centre (Singapura) dan National Centre for Social Science (Vietnam). Jemputan ini adalah bagi memberikan ucapan khas di majlis pembukaan simposium antarabangsa bertajuk "Interaction for Progress: Vietnam New Course and the ASEAN Experiences". Saya dan rombongan telah membuat kunjungan hormat dan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri-menteri Kabinet Vietnam yang lain.

Dari segi jangka pendek, lawatan tersebut telah membantu sektor swasta memeterai perjanjian perniagaan dalam sektor petroleum, bank dan pelaburan.

Semasa perbincangan yang diadakan, pemimpin tertinggi Vietnam telah memberikan persetujuan untuk membantu pelabur Malaysia melicinkan segala urusan pelaburan di negara tersebut. Pelabur-pelabur Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Vietnam untuk melabur dalam pelbagai bidang seperti pelancongan, pembinaan, pembuatan, petroleum dan sebagainya. Pemimpin Vietnam juga menunjukkan kesungguhan untuk belajar dari pengalaman pembangunan Malaysia.

Pemimpin-pemimpin Vietnam nampaknya tertarik dengan pendirian Malaysia bahawa kerjasama antara

kedua negara tidak harus terbatas kepada kepentingan ekonomi atau perdagangan. Sebaliknya, kerjasama tersebut harus beerlandaskan prinsip, dengan izin, "partnership" yang sebenar dan hubungan kedua negara harus menjadi contoh kepada kerjasama Selatan-Selatan.

Dari segi jangka panjang, prospek pertumbuhan ekonomi di Vietnam adalah agak cerah, terutamanya apabila Amerika Syarikat dan EEC memberhentikan sekatan ekonomi. Vietnam juga akan muncul sebagai satu pasaran bebas untuk barangan dari Malaysia.

## PEMBALAK HARAM

**16. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan penggunaan Tenaga Pasukan Polis (Police Field Force) dalam mengesan pembalok-pembalok haram yang merupakan "pengganas baru", dan bukannya menggunakan mereka untuk menentang orang ramai yang tidak bersalah seperti penghuni-penghuni Cheras apabila mereka menentang tindakan pengenaan tol yang tidak adil.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tugas untuk membenteras kegiatan pembalakan haram adalah terletak di bawah pihak berkuasa negeri melalui Jabatan Hutan. Walau bagaimanapun pasukan polis khususnya Pasukan Polis Hutan (PPH) telah membantu Jabatan yang berkenaan menjalankan gerakan bersama dari masa ke masa bagi membenteras pembalok-pembalok haram tersebut. Sehingga ini pihak Polis (PPH) telahpun mengadakan beberapa gerakan bersama yang mengakibatkan beberapa orang yang disyaki telah ditahan untuk siasatan lanjut. Gerakan bersama ini akan diteruskan dan diperhebatkan lagi dari masa ke semasa.

## SOVIET UNION—BANTUAN

**17. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan mengenai penghuluran bantuan berikutan rampasan kuasa yang gagal terhadap Presiden Mikhail Gorbachev.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kegagalan polisi-polisi "Perestroika" dan "Glasnost" Presiden Gorbachev adalah akibat daripada kekurangan sokongan negara-negara G-7 seperti Amerika Syarikat dan Republik Persekutuan Jerman. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seterusnya menyeru negara-negara tersebut supaya menghulurkan bantuan yang sewajarnya agar Soviet Union dapat meneruskan usaha-usaha untuk mengubah sistem ekonominya.

Bagi pihak Malaysia pula, kita pada ketika ini tidak mampu memberi bantuan secara besar-besaran kepada Soviet Union. Namun demikian, Kerajaan sedang menimbang permintaan "line of credit" sebanyak US\$200 juta yang dipohon oleh negara Soviet untuk membeli minyak kelapa sawit. Di samping itu, beberapa langkah sedang dijalankan untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan republik-republik Soviet termasuk perundingan untuk memutuskan Peraturan Pembayaran Dua Hala (Bilateral Payments Arrangement). Usaha-usaha menyiasat peluang-peluang ekonomi dan perdagangan juga diteruskan melalui "Jawatankuasa Penyelaras Di Antara Jabatan Mengenai Hubungan Malaysia dengan Eropah Timur dan Kesatuan Soviet".

Kita terus mengawasi perkembangan-perkembangan terbaru di Kesatuan Soviet serta Republik-Republiknya untuk menetapkan pendirian Malaysia pada masa akan datang.

## PROGRAM INDUK BELIA NEGARA

**18. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sudahkan strategi Program Induk Belia Negara (PIBN) benar-benar dihalusi dan benar-benar didapati sesuai dengan matlamat membangunkan generasi muda negara selaras dengan hasrat Wawasan 2020.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Program Induk Belia Negara (PIBN) adalah merupakan suatu halacara atau prinsip-prinsip asas yang digubal untuk pembangunan masyarakat belia berasaskan prinsip-prinsip utama yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara dan Dasar Sukan Negara. Strategi pelaksanaannya adalah selaras dengan hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai matlamat ini Kerajaan memerlukan satu bentuk masyarakat yang mempunyai nilai moral yang mulia, hidup secara demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil daripada segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dihormati dan mampu bersaing dengan masyarakat antarabangsa.

Semua nilai-nilai ini telahpun digariskan dalam tiap-tiap program yang terdapat dalam Program Induk Belia Negara (PIBN) sesuai dengan hasrat Wawasan 2020.

## SIBU REPORT NO. 5724/91— SIASATAN POLIS

**19. Tuan Jason Wong Sing Nang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada penyiasatan terhadap Laporan RP/CPS/91 Sibu telah dijalankan tentang pendakwaan yang tercatat dalam laporan tersebut. Kalau ya, apakah hasil siasatan tersebut; dan

- (b) sama ada Kerajaan ingin mendakwa parti dan orang-orang tersebut yang bertanggungjawab ke atas kenyataan yang berpeguaman; kalau ya, bila; kalau tidak, mengapa.

**Tuan Ong Ka Ting:** Siasatan Polis bagi kes yang dilaporkan sebagai Sibu Rpt. No. 5724/91 adalah diperingkat akhir dan kertas siasatan akan dikemukakan kepada Peguam Kanan Persekutuan apabila selesai nanti.

**PILIHANRAYA KECIL  
KAWASAN  
LIMBONGAN DAN SUNGAI  
PINANG—PENGLIBATAN  
JABATAN PENERANGAN**

**20. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak tentang penglibatan Jabatan Penerangan Malaysia dalam kempen pilihanraya kecil bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Limbongan dan Sungai Pinang bagi pihak Barisan Nasional.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Jabatan Penerangan memang ada menjalankan tugas di kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri Limbongan dan Sungai Pinang selepas penamaan calon dan sebelum pilihanraya kecil. Di antara tugas-tugas utama Pegawai-pegawai Penerangan adalah untuk menjalankan kegiatan-kegiatan berikut:

- (i) menerangkan kepada orang ramai supaya keluar mengundi dan mengundi dengan betul;
- (ii) menerangkan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dengan sebenarnya sebab orang ramai terkeliru dengan penerangan

dasar-dasar Kerajaan yang datang dari berbagai-bagai punca.

Kegiatan Jabatan Penerangan adalah diperlukan pada masa-masa kempen pilihanraya kecil bagi, dengan izin, "monitor" keadaan supaya rakyat tidak terkeliru oleh agen-agen yang berniat untuk dengan izin, "convince the public by confussing them" dengan isu-isu negara.

Ini saya rasa adalah salah satu tugas Pegawai-pegawai Penerangan bukan sahaja masa pilihanraya tetapi dalam keadaan yang sama yang memerlukan penglibatan khas oleh mereka demi kepentingan masyarakat dari segi persefahaman, stability dan kemajuan masyarakat Malaysia. Dengan izin, "dedication" Pegawai-pegawai Penerangan ke arah ini akan sentiasa dipertingkatkan.

**POLIKLINIK  
DI SANDAKAN—PEMBINAAN**

**21. Tuan Lai Lun Tzee** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan Poliklinik di Sandakan akan dimulakan;
- (b) adakah tawaran projek ini telah dimulakan; dan
- (c) jika tawaran projek ini telah ditawarkan, siapakah kontraktor yang berjaya menawar projek pembinaan Poliklinik di Sandakan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Projek Poliklinik Hospital Daerah Sandakan adalah satu projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Projek ini dijangka dilaksanakan menjelang tahun 1992. Pada masa kini, Kementerian Kesihatan sedang meneruskan perancangan mendalam. Ianya dijangka akan ditawarkan pada pertengahan tahun 1992.

(Soalan No.22. Sila lihat jawapan No. 2 pada 25.10.91)

### **PEKERJA CACAT DALAM SEKTOR AWAM/SWASTA**

23. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh manakah sambutan yang diberikan oleh Sektor Awam dan Swasta untuk mengambil pekerja-pekerja cacat bekerja dengan mereka, jika tiada sambutan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu akta yang mewajibkan semua majikan mengambil pekerja cacat dan untuk melindungi hak-hak orang cacat supaya tidak didiskriminasi atau dieksploitasikan oleh majikan yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Pada keseluruhannya sambutan yang diberikan oleh sektor swasta dan sektor awam untuk mengambil orang-orang cacat bekerja adalah menggalakkan. Di sektor awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.10 Tahun 1988 Kerajaan telah bersetujui pada dasarnya untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat. Setakat ini seramai 744 orang cacat telah diambil bekerja di jabatan-jabatan Kerajaan.

Bagi penggajian orang-orang cacat di sektor swasta, Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan satu kempen pada pertengahan tahun 1990 merayu kepada majikan-majikan sektor perindustrian dan perkhidmatan supaya turut mengambil orang-orang cacat bekerja. Melalui kempen ini, majikan-majikan di sektor swasta telah diberi keyakinan bahawa orang-orang cacat juga boleh bekerja dengan sempurna seperti pekerja yang tidak cacat jika mereka diberi peluang dan tunjuk ajar.

Pada permulaan kempen 11% daripada 3,609 buah industri yang dihubungi menawarkan pekerjaan kepada orang-orang cacat dengan serta merta manakala industri-industri lain sanggup menggaji pekerja-pekerja cacat sebaik sahaja wujud kekosongan jawatan. Dalam tempoh 6 bulan pertama, bilangan jawatan yang ditawarkan ialah sebanyak 1,354, iaitu satu tawaran yang menggalakkan bagi tempoh yang agak singkat. Sambutan majikan di sektor swasta sehingga sekarang adalah masih menggalakkan.

Melalui pemeriksaan yang dijalankan di tempat-tempat pekerjaan didapati pekerja-pekerja cacat diberi gaji dan layanan yang sama dengan pekerja-pekerja yang tidak cacat. Memandangkan kerjasama majikan dalam menggaji pekerja-pekerja cacat adalah memuaskan maka buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan suatu Akta yang mewajibkan semua majikan mengambil pekerja cacat untuk melindungi hak-hak orang cacat di tempat pekerjaan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan, 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kelapan)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.25 (Jadual)—*

*Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan, 1992)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri Pertahanan, sila sambung jawapan.

4.07 ptg.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan pandangan yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap supaya masalah sosial dan kebajikan anggota tentera diberi perhatian yang berat memandangkan bahawa mereka ini sentiasa terdedah kepada ancaman-ancaman bukan sahaja dalam waktu menghadapi peperangan tetapi dalam keadaan latihan, waktu negara dalam keadaan aman, memerlukan mereka menjalani latihan-latihan yang menyebabkan mereka selalu berjauhan dengan anak-anak dan keluarga mereka.

Dalam perkara ini, kita telahpun mengambil tindakan untuk mendirikan sebuah Maktab Rendah Sains MARA di Kem Terendak Melaka dan juga sebuah Asrama Putera di tempat yang sama untuk menampung keperluan untuk memusatkan anak-anak anggota tentera supaya mereka dapat diberi pendidikan yang lebih bermutu.

Sukacita saya nyatakan di sini bahawa Kementerian ada langkah untuk membesarkan lagi kemudahan ini dan berdasarkan kepada perbincangan lisan dengan pihak MARA dan Kementerian Pendidikan

adalah amat menggalakkan dan satu pengumuman rasmi akan dibuat tidak berapa lama lagi mengenai rancangan pembesaran kemudahan pendidikan untuk anak-anak anggota tentera.

Berhubung dengan rancangan perumahan yang telah disarankan supaya dilaksanakan secara menyeluruh, adalah dimaklumkan bahawa keperluan Angkatan Tentera Malaysia pada masa ini berjumlah kesemuanya 71,265 unit. Daripada jumlah ini, sebanyak 51.4% telahpun siap dan ada di dalam pegangan Kementerian Pertahanan pada akhir Rancangan Malaysia Kelima. Sebanyak 8,573 unit sedang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Daripada ini sebanyak 1,459 unit telah siap dalam tahun ini, bakinya 7,114 unit dijangka akan siap dalam tahun 1992 dan 1993. Daripada baki keperluan, 26,037 unit lagi, sebanyak 1,442 unit telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak \$95 juta dibina daripada peruntukan Rancangan Malaysia Keenam.

Kementerian amat sedar bahawa rancangan untuk menyiapkan kesemua jumlah ini akan memakan masa sekurang-kurangnya 10 tahun lagi. Tetapi untuk memendekkan tempoh ini, kita sedang mengambil dua langkah iaitu, pertama, untuk memohon peruntukan tambahan dalam masa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam dan kedua, untuk melaksanakan rancangan khas dengan badan-badan tertentu supaya Kerajaan tidak perlu mengeluarkan peruntukan kewangan tetapi boleh menggunakan aset tanah yang ada dalam pegangan Kementerian Pertahanan untuk dimajukan. Insya Allah, kalau rancangan ini berjaya, ianya merupakan satu rancangan yang baru dan sudah tentu akan menampung sebahagian besar daripada keperluan perumahan anggota tentera.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga menyentuh berkenaan dengan masalah bekas perajurit di kalangan anggota Kor Komando yang dikatakan banyak terlibat di dalam kes-kes jenayah dan sebagainya. Mengikut fakta yang kita ada, tidak ada trend yang menunjukkan bahawa golongan ini terdedah kepada kegiatan jenayah lebih tinggi jumlahnya jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan yang lain. Walau bagaimanapun, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan di dalam Kementerian Pertahanan untuk mengkaji kesesuaian rancangan peralihan yang sedang dijalankan sekarang ini dari segi tempoh masanya, dari segi jenis keterampilan yang diberikan dari segi psikologi, motivasi dan sebagainya dan jika difikirkan perlu dibuat perubahan, maka kita akan melakukannya pada masa-masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Kelang telah menyentuh berkenaan dengan dakwaan bahawa jet-jet pejuang TUDM dan kapalterbang-kapalterbang TUDM terlalu lama menyebabkan ini punca kejatuhan kapalterbang-kapalterbang TUDM. Sukacita saya memaklumkan bahawa sebarang kejadian kapalterbang jatuh dan sebagainya tidaklah berpunca daripada usia kapalterbang yang dikatakan terlalu lama kerana kapalterbang yang ada di dalam TUDM memang sudah ditentukan kelayakannya untuk digunakan. Apa yang berlaku ialah dari segi kecekapan pihak juruterbang kita yang kadang-kala membuat keputusan yang kurang tepat, umpamanya, dalam keadaan cuaca yang cukup buruk, mereka masih lagi melakukan penerbangan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menyalahkan 100% kepada mereka kerana tugas anggota tentera lebih berat daripada penerbangan awam yang mana setengah daripada mission memerlukan

tindakan dilakukan dalam keadaan cuaca yang kurang baik dan ini menyebabkan setengah daripada kejadian kapalterbang jatuh berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah menyentuh berkenaan dengan kejadian lanun di Sandakan. Saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu untuk menghadapkan persoalan ini kepada Kementerian Dalam Negeri kerana tugas utama untuk menghadapi ancaman lanun ini ialah di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan ada peranan-peranan tertentu dalam hubungan ini dan kami akan menambahkan lagi keupayaan untuk menghadapi masalah ini.

Sekian, dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,819,188,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,819,188,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,500,000,000 yang disebutkan untuk Maksud P.25 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,500,000,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.26 dan B.27 (Jadual)—*

*Maksud P.26 dan P.27 (Anggaran Pembangunan, 1992)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.26 dan B.27 dan Maksud Pembangunan P.26 dan P.27 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Petaling Jaya.

4.16 ptg.

**Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):** Tuan Pengerusi, saya pohon mengemukakan satu usul pindaan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 66(9) seperti yang berikut:

Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak \$10 daripada belanja yang diuntukkan kepada gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, iaitu Yang Berhormat dari Selandar, di bawah Maksud Bekalan 26, Butiran 010000-Pentadbiran Am-010100.

Tuan Pengerusi, usul ini berasaskan alasan-alasan berikut.

**Peristiwa pertama:**

Yang Berhormat dari Selandar telah menyalahgunakan jawatan Timbalan Menteri Pendidikan untuk memberi arahan kepada Pejabat Pendidikan Johor supaya Pejabat Pendidikan Daerah Muar mengambil tindakan melarangkan SRJK(C) Chong Hua 1, Jalan Sayang, Muar, serta Sekolah Menengah Tionghua persendirian Chong Hua, Jalan Junid, Muar disewakan kepada DAP cawangan Muar untuk mengadakan suatu majlis

jamuan makan untuk merayakan ulangtahun ke 25 DAP pada 15hb Oktober, 1991. Tindakan yang luar biasa ini dijalankan sungguhpun kelulusan penyewaan tempat-tempat di sekolah yang berkenaan telah diperolehi dan lesen permit pihak Polis juga diperolehi.

Tuan Pengerusi, perbuatan beliau itu merupakan satu sabotaj pihak MCA terhadap DAP kerana sekolah-sekolah yang berkenaan sudah berkali-kali disewakan kepada parti politik baik MCA, GERAKAN atau DAP. Suatu contoh yang terbaru ialah SRJK(C) Chee Meng di Tangkak....

**Tuan Lim Lay Hoon:** *(Bangun)*

**(Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar, Padang Serai bangun.

**Dr Kua Kia Soong:** Tidak bagi.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tidak beranikah? *(Ketawa)*

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Pengerusi, I don't entertain any frivolous interjections. *(Tepuk)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Pengerusi, jelas sekali Timbalan Menteri Pendidikan, Ahli Parlimen Selandar, telah menyalahgunakan jawatannya untuk kepentingan politik partinya. Perbuatan itu juga menunjukkan bahawa MCA adalah sebuah parti penakut, pengecut dan parasit. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa kedua-pada 28.9.1991 DAP Negeri Sembilan mengadakan satu jamuan makan malam sempena ulang tahun ke-25 di sebuah sekolah SRJK(C)

Chee Hwa. Sekolah ini sebenarnya adalah hartanah Persatuan Moi Kong Negeri Sembilan. Tetapi pada 29.9.1991, dalam satu dialog dengan Pengetua dan para Pengarah Sekolah Chee Hwa, Timbalan Menteri Pendidikan dan Ahli Parlimen Selandar diberitahu mengenai fakta ini. Selepas itu beliau terus memberi arahan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan supaya menjalankan penyiasatan ke atas SRJK(C) Chee Hwa serta menangguhkan peruntukan sebanyak \$30,000 yang telah disediakan untuk sekolah tersebut.

**Tuan Chor Chee Heung:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Alor Setar bangun. Hendak beri jalan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Dr Kua Kia Soong:** Saya tidak beri.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, perkara yang saya hendak bangkitkan adalah serius.....

**Dr Kua Kia Soong:** No chance.

**Tuan Chor Chee Heung:** Berani atau tidak berani beri penjelasan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduklah! Kalau tidak tahu, duduklah!

**Dr Kua Kia Soong:** Please be seated.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat...

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Pengerusi, perbuatan itu merupakan satu lagi keadaan di mana seorang Timbalan Menteri Pendidikan yang telah meninggalkan dunia akademik tidak lama dahulu telah menyalahgunakan kuasanya dan dengan cepatnya telah mempelajari tabiat seperti, dengan izin, Tuan Pengerusi, a common despot in a banana republic! (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, peristiwa ketiga...

**Datin Ling Chooi Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Lumut bangun.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Pengerusi, Jawatankuasa Perkembangan SRJK(C)....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Petaling Jaya, sebentar. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Pengerusi, tidak ada standard-tidak payahlah! (*Tepuk*)

**Datin Ling Chooi Seng:** (*Menyampuk*)

**Dr Kua Kia Soong:** Jawatankuasa Perkembangan SRJK(C) Petaling Jaya telah mengemukakan suatu permohonan kepada Kementerian Pendidikan pada Mac 1990 supaya sebuah sekolah menengah Tionghua swasta dapat ditubuhkan di Petaling Jaya. Kerana mengikut suatu siasatan pada tahun 1987, 25% atau lebih kurang 600 pelajar lepasan SRJK(C) ingin melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah persendirian Tionghua swasta. Tetapi sehingga sekarang permohonan tersebut masih belum mendapat apa-apa jawapan daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Dalam suatu dialog antara Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen Selandar dengan Jawatankuasa Perkembangan SRJK(C), bila ditanya tentang perkara tersebut, Timbalan Menteri itu telah dengan tidak bertanggungjawab mengatakan Petaling Jaya tidak memerlukan sekolah menengah persendirian Tionghua kerana Malaysia tidak boleh dijadikan sebagai "Negeri China kecil" (*Disampuk*).

Tuan Pengerusi, kenyataan yang biadap ini adalah dikesali dan dengan jelasnya menunjukkan kemuflihan atau political bankruptcy, dengan izin, (*Tepuk*) parti MCA "yang tidak tahu apa masyarakat Tionghua mahu." Kalau pemimpin-pemimpin MCA hingga hari ini tidak faham isu-isu yang penting dan jelas sekali dalam aspirasi masyarakat Tionghua bagaimana pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) boleh sedar dengan isu-isu tersebut.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Timbalan Menteri Pendidikan, kewujudan sekolah-sekolah menengah persendirian Tionghua adalah mengikut penetapan Perlembagaan Persekutuan dan sumbangannya kepada negara dari aspek latihan tenaga manusia demi pembangunan negara adalah nyata sekali.

Tuan Pengerusi, penafian dan tuduhan yang tidak berpatutan Timbalan Menteri Pendidikan itu telah menyinggung perasaan masyarakat Tionghua secara amnya dan secara sedar atau tidak sedar telah membangkitkan isu sensitif ketaatsetiaan sesuatu kaum terhadap Malaysia yang pada hal tidak berbangkit sama sekali.

Tuan Pengerusi, peristiwa keempat-pada 29.10.1991 dalam Dewan yang mulia ini, Timbalan Menteri Pendidikan dan Ahli Parlimen Selandar telah memalukan Dewan, Kementerian Pendidikan dan rakyat Malaysia kerana secara terbuka mengisytarkan tanda lucah dengan jarinya. (*Tepuk*)

**Puan Lim Lay Hoon:** (*Bangun*)

**(Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Padang Serai bangun lagi.

**Puan Lim Lay Hoon:** Minta penjelasan.

**Dr Kua Kia Soong:** Dengan....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Pengerusi, oleh sebab saya takut meddling dalam question ini, saya tidak benarkan.

Tuan Pengerusi, dengan imej yang hina dan keji ini, beliau sudah menunjukkan ketidak layakannya menjadi teladan dalam Dasar Pendidikan Negara kita terutama sekali tentang pendidikan akhlak dan moral. Dalam perkara ini, kalau pemimpin-pemimpin Barisan Nasional betul-betul ikhlas dan jujur hendak menubuhkan sebuah Kerajaan yang bersih, bermoral dan bertanggungjawab, Timbalan Menteri Pendidikan yang berkenaan patutlah meletak jawatan dengan sertamerta kerana kecuaiannya yang serius itu. Tetapi perlu saya mengemukakan. Usul ini...

**Puan Lim Lay Hoon:** On point of order!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Padang Serai bangun. On point of order.

**Puan Lim Lay Hoon:** On point of order. Duduklah! (*Ketawa*) On point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Duduklah, Yang Berhormat.

**Puan Lim Lay Hoon:** Tuan Pengerusi, 36(6) "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain." (*Tepuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ini adalah Usul Pindaan.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Pengerusi, itulah interjection and privilege.

Tuan Pengerusi, peristiwa kelima-pada 12.11.1991 Timbalan Presiden MCA berkata di Bukit Mertajam, "memastikan bahawa lebih daripada 1,000 buah sekolah rendah Tionghua dapat terus menggunakan bahasa Tionghua sebagai bahasa penghantar, bukannya disebabkan oleh Perlembagaan Negara yang menentukan bahawa setiap kaum bebas menggunakan dan mempelajari bahasa mereka tetapi disebabkan oleh peraturan yang ditetapkan oleh Barisan Nasional di bawah Akta Pendidikan."

Tuan Pengerusi, ini merupakan satu kenyataan yang memeranjatkan yang dikeluarkan oleh seorang pemimpin MCA memandangkan Timbalan Menteri Pendidikan merupakan wakilnya dalam Kementerian Pendidikan. Mengatakan bahawa kewujudan sekolah rendah Tionghua tidak dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan sebenarnya merupakan pengunjuran yang memalukan oleh kepimpinan MCA berkenaan dengan hak asasi rakyat Malaysia terutama sekali terhadap kaum Tionghua di Malaysia yang mana MCA mengakui dirinya sebagai wakil kepada mereka. Ataupun kepimpinan MCA tidak faham dengan peraturan mengenai hak asasi di dalam Perlembagaan.

Tuan Pengerusi, sebagai wakil MCA dalam Kementerian Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan dan Ahli Parlimen Selandar telah gagal menjelaskan pendirian MCA itu yang

mana dengan seriusnya telah menghasilkan akibat yang buruk terhadap tugasnya di Kementerian Pendidikan. Maka beliau telah gagal di dalam tugasnya untuk mempertahankan hak asasi rakyat yang telah dijamin di dalam Perlembagaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kota Melaka ada apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya mahu menyokong usul ini. Tuan Pengerusi, saya...

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tidak perlu sokonglah. Kita kemukakan untuk dibahas.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini kena ada penyokong. Ini terpaksa dipanggil...

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak payah ada sokongan. Kita akan kemukakan untuk dibahas. Nanti Yang Berhormat boleh ambil bahagianlah dalam perbahasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak sokong...

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak perlu sokongan. Jadi kita kemukakan untuk dibahas, nanti Yang Berhormat ambil bahagian dalam perbahasan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, okay.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang yang diperuntukkan bagi Kepala Bekalan B.26, Butiran 010000—Pentadbiran Am 101000 di kurangkan sebanyak \$10.00 sekarang ini terbuka untuk dibahas. Alor Setar.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin menyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak payah di sokong, nanti Yang Berhormat boleh mengambil bahagian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jika ada pencadang, mesti ada penyokong.

**Tuan Chor Chee Heung:** Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka tahu peraturan Mesyuarat? Kalau tidak tahu, keluarlah. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Selepas itu boleh?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Bekalan 26, Butiran 010000—Pentadbiran Am 101000, sekali dengan Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Tuan Lim Guan Eng:** On a point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, on a point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang kita bangkitkan di sini ialah Usul untuk memotong gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sebanyak \$10.00—bukan atas tajuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Beberapa Ahli:** Keluar.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sabar, sabar.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak faham langsung, sebab Usul ini adalah dalam Butiran ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya. Perbahasan ini adalah mengikut Usul yang telah dibentangkan—bukan Butiran.

**Tuan Chor Chee Heung:** Baiklah. Tuan Pengerusi....

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*). Tidak faham, keluarlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya menyokong kerana ini perlukan seorang penyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia sedang berucap. Kita akan beri peluang kepada ramai Ahli untuk membahaskannya.

**Tuan Lim Guan Eng:**.... tetapi, tadi saya telah dipanggil oleh Tuan Pengerusi.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, selepas kita meneliti Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya, kita dapati bahawa Usul ini adalah frivolous dan vexatious, dengan izin, dan sengaja membuang masa Dewan yang mulia ini dan juga kewangan Kerajaan. Ini juga jelas menunjukkan bahawa pihak DAP telah sampai ke satu tahap yang

mana ia telah muflis dari segi modal politik, (*Tepuk*) kecuali menunggu perkara yang remeh-temeh untuk mencari jalan bagi publisiti politik yang murah.

Tuan Pengerusi, memanglah budaya dan sikap DAP adalah amat dikesali sekali, sebab Kerajaan membayar elaun kepada semula Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perundangan, tetapi bagi pihak DAP mereka cuma hanya menerima elaun dengan cara gaji buta sahaja. Saya berpendapat bukan sahaja kita patut memberi kepujian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, iaitu Yang Berhormat dari Selandar, bahkan Usul ini sebenarnya terpaksa diubah supaya gajinya dinaikkan memandangkan bahawa beliau telah bekerja dengan begitu bertungkus-lumus serta menjalankan tanggungjawabnya dengan begitu baik. (*Tepuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri notis dua hari!

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, kecemerlangan ataupun prestasi kerja Yang Berhormat dari Selandar telah juga dipuji dengan secara terbuka oleh pemimpin-pemimpin pendidikan Tionghua seperti Encik Sim Mor Yee. Saya berasa bahawa pihak DAP memang tidak boleh tahan lagi sebab prestasinya telah sampai ke satu tahap yang mana mereka telah kalah dalam segala usaha untuk memperkecilkan Yang Berhormat dari Selandar. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa langkah-langkah ataupun jalan-jalan yang dianggap oleh pihak DAP untuk memperkecilkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut adalah satu peranan Pembangkang yang tidak sihat. Adakah ini peranan sebuah parti Pembangkang?

Saya ingin menyeru kepada pihak Pembangkang, khususnya kepada DAP, pandanglah ke negara-negara Barat yang mana mereka juga mempunyai parti Pembangkang dalam Kerajaan, tetapi di negara Barat Pembangkang memainkan peranan yang begitu membina sekali dan bukan kritik hanya untuk tujuan mengkritik. Jika pihak Kerajaan membuat sesuatu yang tidak betul atau.....

**Datin Ling Chooi Sieng: (*Bangun*)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Lumut bangun.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Minta penjelasan. (*Ketawa*) Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya iaitu tujuan Yang Berhormat dari Petaling Jaya untuk membuat Usul ini ialah untuk mengelirukan keadaan di mana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, tokoh-tokoh masyarakat kaum Tionghua telah memuji Timbalan Menteri Pendidikan "for a job well done" dan dengan membawa Usul ini, tidakkah ini bermakna bahawa DAP sebenarnya tidak ada modal seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, dan dengan izin, has to resort to this kind of tactics, untuk mendapat cheap publicity? Terima kasih.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, memang saya bersetuju 100% dengan Ahli Yang Berhormat dari Lumut, oleh kerana pihak DAP telah kalah 100% di Pulau Pinang dan di Sarawak. Mereka ingin mencari 'cheap publicity' tanpa modal politik.

Tuan Pengerusi, jika pihak Kerajaan membuat sesuatu yang tidak begitu betul, maka peranan mereka ialah bukan sahaja memberi teguran bahkan terpaksa membantah, tetapi Pembangkang di negara kita, saya dengan kesalnya mengatakan, khususnya DAP telah memainkan

peranan yang begitu negatif melalui budaya dan sikap yang terhina, dan seperti mereka selalu kata kepada orang lain 'very low class', dengan izin.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Pembangkang dari DAP yang selalu membuang masa dan mencari publisiti yang tidak sihat adalah terdiri dari, khususnya, Yang Berhormat dari Tanjung dan Kota Melaka iaitu "Bapa dan Anak Sdn. Bhd." dalam DAP ini. (*Ketawa*). Ahli-ahli yang lain seperti dari Bukit Bintang, Bagan, Ipoh, Kepong—mereka adalah baik dan selalu memberi pendapat yang membina dan kritiknya juga adalah membina, dan Yang Berhormat dari Petaling Jaya boleh gagallah, tetapi dengan kesalnya kali ini Yang Berhormat dari Petaling Jaya telahpun dipaksa untuk membawa Usul di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Kua Kia Soong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. Tidak apa, dia duduk balik.

**Tuan Chor Chee Heung:** Dia tidak berani. Tuan Pengerusi, di sini saya juga ingin mencadangkan supaya elaun Ahli-ahli Parlimen Yang Berhormat dari Tanjung dan Kota Melaka dikurangkan sebanyak \$10.00. (*Ketawa*). Barulah mereka akan menyedari bahawa sudah tiba masanya untuk mereka sendiri terpaksa mempelajari sopan-santun dan sebenarnya apakah peranan pihak Pembangkang dalam Parlimen.

Tuan Pengerusi, mengikut Usul Yang Berhormat dari Petaling Jaya, Yang Berhormat dari Selandar selaku Timbalan Menteri Pendidikan membohong tentang soal-soal pendidikan dan soal-soal seperti keputusan 4A/2C. Sekarang kita sememangnya telah termaklum bahawa Kabinet telah membuat keputusan

seperti apa yang telah dikatakan oleh beliau. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya siapakah yang telah menjadi pembohong, sama ada Yang Berhormat dari Selandar ataupun Yang Berhormat dari Tanjung? Dalam aspek ini, saya juga berharap Yang Berhormat dari Tanjung yang selalu memperkecilkan Yang Berhormat dari Selandar, supaya pada masa sekarang ini meminta maaf kepada Yang Berhormat dari Selandar sebab yang berucap dusta dan bohong ialah Ketua Pembangkang sendiri.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soal sekolah yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya iaitu yang mana beliau berkata bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

**Puan Lim Lay Hoon:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat di sebelah bangun.

**Puan Lim Lay Hoon:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Alor Setar, bolehkah saya tahu sepanjang perjuangan MCA, adakah pendidikan Cina sudah mati? (*Ketawa*)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, ini memang ternyata sekalilah bahawa pihak DAP bukan sebenarnya memperjuangkan pendidikan Cina. Mereka cuma mencari publisiti yang murah dan sebenarnya pihak MCA, sejak wujudnya parti MCA di negara kita hingga hari ini, kita juga memperjuangkan pendidikan Tionghua di negara kita.

Hingga hari ini kita dapat melihat ada beberapa ratus buah sekolah Cina, termasuk sekolah persendirian, mereka pun tahu tetapi mereka tak berani mengaku.

Tuan Pengerusi, saya juga amat kesal mendengar apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang mana beliau mendakwa bahawa Yang Berhormat dari Selandar telah memberi arahan kepada Pejabat Pendidikan Daerah supaya sebuah sekolah Cina di Johor janggan disewa kepada pihak DAP. Di sini saya juga ingin memberitahu kepada mereka, jika mereka masih tidak tahu lagi bahawa semua sekolah adalah di bawah kawalan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan seorang guru besar atau pengetua sekolah-sekolah tidak berhak untuk memberi kebenaran untuk menyewakan dewan sekolahnya kepada sesiapa pun. Di sini pihak MCA ataupun mana-mana pihak pun tidak pernah menyewa sekolah atau dewan sekolah tanpa keizinan atau kebenaran pihak PPD. Lebih-lebih lagi di sini mana ada bukti bahawa Yang Berhormat dari Selandar melakukan seperti didakwakan. Kalau tidak ada bukti, ini adalah bermaksud bahawa Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya adalah pembohong yang besar sekali. (*Tepuk*) Saya percaya kalau beliau meneruskan perjuangan dalam sebuah parti yang merupakan seekor ular besar, saya percaya beliau tidak akan ke mana-mana.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memberi penjelasan sedikit tentang penyewaan dewan sekolah untuk jamuan atau lain-lain rally ataupun untuk hari-hari kebesaran. Saya ingin memberitahu bahawa kalau MCA harus juga menyewa dewan sesebuah sekolah di manapun, MCA selalu mengikut peraturan, iaitu mereka selalu membuat permohonan kepada PPD dan kalau PPD tak setuju, memang pihak MCA tidak akan menyewa sekolah itu. Selalunya pihak PPD sedar bahawa kalau pihak MCA menyewa pun, bukan untuk fasal lain, akan tetapi MCA menyewa ini adalah untuk peranan yang baik, iaitu menerangkan dasar-dasar pendidikan kepada murid-murid sekolah. Bukan

seperti DAP, kalau mereka menyewa dewan sekolah di manapun, mereka mengadakan rally untuk perjuangan parti politik mereka.

Tuan Pengerusi, di sini juga saya ingin menegaskan bahawa kalau pihak DAP memerintah negara ini, maka mereka juga akan mengambil tindakan yang lebih kejam. Tetapi harapan pemerintahan oleh DAP di negara ini adalah satu khayalan sahaja, sebab sejak kegagalan Tanjong 2 mereka tidak akan mempunyai peluang yang kedua lagi.

Satu dakwaan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya adalah bahawa Yang Berhormat dari Selandar telah menunjukkan tanda lucah. Perkara ini telah panjang lebar dibangkit dan dibahaskan di Dewan yang mulia ini dan sehingga hari ini mereka tidak menunjukkan bukti bahawa Ahli Yang Berhormat dari Selandar membuat apa-apa tanda lucah. Saya percaya bahawa dakwaan ini bukan sahaja tidak berasas, cuma mereka hanya ingin mendapat publisiti melalui suratkhobar-suratkhobar bahasa Mandarin. Sebenarnya orang yang buat tanda lucah mengikut beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini adalah pihak DAP.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencabar Parti DAP iaitu sejak partinya diwujudkan hingga sekarang apakah hasil pencapaian dalam negara kita?

**Datin Ling Chooi Sieng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Datin Ling Chooi Sieng (Lumut):** Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu macam mana DAP hendak memperjuangkan pendidikan Tionghua

sedangkan Ketua DAP dan Ketua Pemuda DAP tidak bercakap bahasa Cina? (*Ketawa*)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, memang soalan ini adalah tepat sekali (*Ketawa*) dan saya pun rasa hairan macam mana mereka akan dapat memperjuangkan pendidikan Cina sedangkan kedua-dua mereka adalah buta dari segi bahasa Cina. (*Ketawa*)

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, setahu yang saya tahu sebab saya kawan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini, memang dua orang itu fasih dalam bahasa Cina. Siapa cakap mereka tak faham bahasa Cina, orang ini dari Lumutkah—"Cheng Kuai", seorang yang tidak tahu kebenaran.

**Tuan Chor Chee Heung:** Senang sahaja. Saya mengadakan bukti bahawa Ahli Yang Berhormat dari Lumut adalah seorang bekas guru di sekolah Cina.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ipoh bangun.

**Tuan Lau Dak Kee:** Kalau Yang Berhormat dari Alor Setar kata Yang Berhormat dari Lumut fasih dalam bahasa Tionghua, saya hendak beri satu test, adakah tahu apa maknanya "lee yee len sze"?

(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tak tahu Peraturan Mesyuarat. (*Tepuk*) Dia ingin mendapat penjelasan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dalam Bahasa Malaysia apa yang disebut oleh Ahli dari Ipoh tadi? (*Ketawa*)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, tadi bahasa Mandarin oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pun tidak begitu tepat. Oleh yang demikian, saya percaya dia cuma hendak tanya sama ada semua Ahli DAP di Dewan yang mulia ini adalah bodoh. (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap! Dia bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalankah?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, 36(6). Saya ingat ini jelas bukan hanya satu sangkaan jahat, tetapi juga menunjukkan dia tidak tahu Mandarin, dia tidak fasih Mandarin dan dia adalah seorang buta dalam Mandarin dan nampaknya terjemahannya hanya satu percakapan putarbelit, tidak faham, tidak tahu, orang yang—kalau gunakan 'bodoh' tak baiklah—tak begitu waraslah otaknya. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah. Yang Berhormat, jalankan terus.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, ini memang sikap pihak DAP, bertujuan untuk kacau sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencabar pihak Parti DAP supaya mereka memberitahu kepada Dewan

yang mulia ini, sejak Parti DAP diwujudkan apakah rekod mereka buat dalam negara ini, baikpun dalam aspek perpaduan mahupun dalam aspek mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat Tionghua, termasuk pendidikan Cina? Memang kita mempunyai rekod pihak DAP cuma menunjukkan bahawa mereka senantiasa memainkan sentimen perkauman, memecah-belahkan perpaduan, mencari publisiti politik murah dan juga mengkritik pencapaian DEB. Adakah ini sebuah parti Pembangkang yang bertanggung-jawab?

Tuan Pengerusi, dengan tidak prasangka kepada perdebatan....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dan minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa jika sesiapa rakyat Malaysia sama ada dia itu Melayukah, Chinakah atau India, kalau dia menyatakan bahawa tidak siapa berhak untuk menjadikan negara ini suatu China kecil (small China), bukankah itu satu kenyataan patriotik dan jauh ianya biadap?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. (*Tepuk*) Sebenarnya ekoran daripada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, sebenarnya beliau mengatakan little China di sini bermaksud, dalam Malaysia ini kita mempunyai berbagai kaum, berbagai bangsa serta agama. Oleh yang demikian, memang dia harus taat setia kepada negara ini walaupun ada juga rakyat terdiri daripada orang Cina, orang Melayu, orang India, dan juga dia harus menjaga golongan rakyat

Cina lain dan golongan lain dalam negara ini bukan seperti di negeri China yang mana semua rakyat terdiri daripada satu kaum sahaja.

Tuan Pengerusi, dengan tidak prasangka kepada perdebatan di antara Yang Berhormat dari Ampang Jaya dan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mana mengikut semua pihak, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telahpun kalah, tetapi oleh kerana saya seorang wakil MCA, saya tidak mahu mengatakan sama ada parti DAP adalah parasite, dengan izin, atau tidak, tetapi kenyataan kelmarin oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah tepat sekali dan dia berhak membuat kenyataan ini, sebab dia adalah parti yang ketiga yang tidak bersangkut dengan perdebatan di antara MCA dan DAP. Dalam....

**Puan Lim Lay Hoon:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, yang tepi bangun ya. (*Ketawa*)

**Puan Lim Lay Hoon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Alor Setar. Adakah Yang Berhormat dari Alor Setar sedar bahawa pada 4hb Disember baru-baru ini apabila Yang Berhormat dari Kota Melaka bangkit untuk membahaskan peruntukan atas Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, beliau langsung tidak menghormati Kerusi Yang di-Pertua. Pada masa itu Pengerusi Dewan ialah Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Jadi, dengan cara tidak menghormati Kerusi Yang di-Pertua itu, beliau telah mengambil kesempatan untuk mengeksploitasikan apa yang berlaku di luar Dewan dengan menonjolkannya di dalam Dewan yang mulia ini semata-mata atas kepentingan politik peribadi beliau. (*Tepuk*)

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, memang saya sedar. Itulah sikap DAP adalah salah satu sikap ataupun budaya asing, iaitu budaya dan sikap biadap yang senantiasa dipraktikkan oleh mereka dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bandar Kuching bangun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Hendak beri jalan? Terima kasih. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa jawatan Speaker dalam Parlimen ini adalah satu jawatan yang paling tinggi dari segi protokol dan dari segi mempertahankan kedaulatan sistem demokrasi perparlimen ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa seorang Speaker adalah supposed to be impartial, dengan izin, sebab dia taat setia dan bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini termasuklah Ahli-ahli DAP, bukanlah kepada parti yang mana dia menjadi Ahli. Maka, sebab Timbalan Speaker itu Ahli dari Ampang Jaya, sudah menunjukkan bahawa dia paling partial, sebab dia mengambil bahagian membahaskan parasite luar dari Dewan Parlimen ini.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yag Berhormat dari Bandar Kuching, saya tidak benarkan yang itu. Jikalau Yang Berhormat menuduh Timbalan Yang di-Pertua impartial, maka saya tidak benarkan Yang Berhormat. *(Disampuk)*

**Tuan Chor Chee Heung:** Okaylah, duduklah! *(Disampuk)*

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, saya cuma mahu minta penjelasan dari dia sama ada dia sedar ke atas prinsip ini sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak membenarkan Yang Berhormat. Yang Berhormat membuat anggapan, Yang Berhormat sendiri telah pun mengambil keputusan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ini satu penjelasan daripada Yang Berhormat dari Alor Setar, jika ya, di mana dia boleh cakap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka biadaplah, kurang sopanlah dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, saya tidak benarkan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Sebab dia sendiri menjemput, sikap yang kurang mahu menghormati ini.

**Tuan Pengerusi:** Bandar Kuching, cukuplah! Saya tidak benarkan Yang Berhormat dari Alor Setar berucap dalam perkara ini. Sila teruskan!

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya terpaksa menghormati apa yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi. Oleh yang demikian, saya ucapkan terima kasih atas nasihat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, kelmarin kita telah dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, beliau telah menyatakan bahawa pihak DAP adalah sebuah parti politik yang mempunyai budaya asing, iaitu budaya biadap dan juga adalah sebuah parti politik parasite, dengan izin, kepada MCA. Saya pun bersetuju dengan kenyataan beliau, sebab apa kita panggil parti DAP sebagai parti parasite.

Tuan Pengerusi, mengikut manoeuvre ataupun langkah-langkah....

**Tuan Sim Kwang Yang:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order 36(1), irrelevant. Ini tidak berkait dengan usul yang dibentangkan sekarang, iaitu usul untuk mengurangkan gaji Timbalan Menteri dengan \$10.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, perkara ini Yang Berhormat dari DAP juga berkata berkenaan dengan parti MCA. *(Tepuk)*

**Tuan Chor Chee Heung:** Ya, ya! Tuan Pengerusi, biar saya teruskan ucapan saya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** Ya, baik, terima kasih. Tuan Pengerusi, kita dapat lihat parasitic manoeuvres, dengan izin, oleh pihak DAP jelas menunjukkan ianya tidak mempunyai sebarang yang membina. Apa yang dilakukan oleh pihak MCA, mereka hanya mengkritik, tetapi tidak pernah membuat apa-apa untuk kebaikan rakyat Tionghua di negara kita. Satu misalan yang cukup tepat, saya berani memberi misalan ini, sebab ini berlaku di kawasan saya baru-baru ini. Kita semua tahu bahawa pihak MCA sejak wujud partinya telah lama memperjuangkan pendidikan Cina dan sekolah-sekolah Cina dari segi bangunan sekolah hingga ke kerusi meja termasuk guru-guru dalam negara kita dan ini boleh dikatakan sejak time in memorial, dengan izin, bahawa MCA telah memperjuangkan pendidikan Cina. Saya ingin bertanya kepada pihak DAP sejak bila mereka tiba-tiba mempunyai suatu perjuangan untuk sekolah pendidikan Cina. Perkara.....

**Tuan Wong Wing On:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat dari Kampar bangun minta penjelasan.

**Tuan Wong Wing On:** Adakah Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar tahu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan seorang lagi Ahli DAP saudara Chan Kok Kit telah ditahan di bawah ISA selama 4 tahun dan 9 bulan oleh Barisan Nasional kerana dituduh mempertahankan bahasa Tionghua?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, senang sahaja, mereka ditahan bukan sebab mereka memperjuangkan pendidikan Cina, sebab depa selalu kacau sahaja *(Tepuk)*. Buat kacau pulau di negara kita, memang pihak Polis kena tahan. Ini semua elemen-elemen subversif, tidak tahan mana boleh? *(Tepuk)*

**Tuan Chian Heng Kai:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mertajam bangun ya.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tadi Yang Berhormat dari Alor Setar kata saya selalu kacau. Boleh saya minta penjelasan?

**Tuan Pengerusi:** Ya, boleh.

**Tuan Chian Heng Kai:** Apa kacau saya? Saya kacau MCAkah atau kacau siapa? *(Disampuk)*

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, kalau dia hendak tahu apa dia buat, esok saya boleh dapat satu fail dari Special Branch, dia tahulah yang mana dia selalu dok kacau memecah-belahkan perpaduan. Ini adalah kacau.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah!

**Tuan Chong Chee Heung:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sekarang kita pergi kepada perkara lain pula. Mintalah jikalau sekiranya Yang Berhormat boleh gulungkan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Ya, saya akan gulungkan, Tuan Pengerusi. Tadi saya beri misalan apa yang telah berlaku di kawasan saya. Dua bulan yang lalu pihak DAP, untuk memberi gambaran bahawa mereka benar-benar memperjuangkan pendidikan Cina, mereka mengadakan satu donation drive, dengan izin. Sejak dua bulan donation drive itu, mereka tiba-tiba telah menjadi hero ataupun juara dalam pendidikan Cina. Pada hal MCA sejak wujud partinya dalam tahun 1949 telah memperjuangkan pendidikan Cina sehingga hari ini. Saya juga mahu tahu.....

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kamar bangun. Yang Berhormat, masa tidak cukup....

**Tuan Wong Wing On:** Satu sahaja. Ini satu hakikat sejarah yang tidak boleh dinafikan....

**Tuan Pengerusi:** Kamar, nanti sekejap. Kalau dia beri jalan baru boleh bercakap.

**Tuan Chor Chee Heung:** Saya tidak beri sebab kesuntukan masa.

**Tuan Wong Wing On:** Jika gentleman, berilah.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tidak boleh, tidak boleh, bukan saya tidak mahu beri, tetapi Tuan Pengerusi minta saya gulung (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, saya ingin tanya pihak DAP.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.

**Tuan Pengerusi:** Alor Setar, nanti, ini ada point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(6). Tadi Yang Berhormat dari Alor Setar bukan sahaja mengeluarkan sangkaan jahat,

tetapi buat tuduhan yang jahat bahawa Ahli dari Bukit Mertajam dan lain-lain juga patut ditangkap kerana subversif dan patut lagi ditahan di bawah Akta ISA. Itulah satu tuduhan bukan sahaja mengeluarkan sangkaan jahat tetapi juga sangat jahat. Saya minta satu ruling boleh dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat kata dia patut ditahan lagi?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tidak ada, tidak ada, sebab sekarang dia sudah ubah sikap sedikitlah (*Ketawa*) dan juga saya tidak pernah kata ISA pun.

Tuan Pengerusi, untuk menghabiskan ucapan saya, saya ingin bertanya Ahli-ahli Pembangkang DAP sekali lagi, pihak DAP mempunyai beberapa pemimpin dalam pengurusan sekolah-sekolah Cina di seluruh negara ini. Saya juga mahu tahu sama ada pihak DAP ingin mengadakan satu cadangan seperti TAR Kolej yang mana hingga hari ini pihak MCA telah berjaya. Sila memberitahu.

Walaupun saya ada banyak lagi hendak hentam mereka, tetapi oleh sebab banyak lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap, saya terpaksa menghabiskan ucapan saya di sini. Dengan kata-kata sedemikian, saya menyokong Butiran dalam maksud ini. Berkenaan dengan usul ini, saya harap Dewan yang mulia ini dapat lemparkannya itu dalam parit monsoon yang dalam sekali. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

5.06 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian usul yang dibentangkan hari ini oleh Yang Berhormat dari Petaling untuk

memotong sebanyak \$10.00 gaji Yang Berhormat dari Selandar yang merangkap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

Tuan Pengerusi, usul yang dibentangkan hari ini adalah bertujuan untuk menunjukkan bukan sahaja undi tidak percaya atau censure terhadap Yang Berhormat dari Selandar, tetapi juga terhadap keseluruhan pemimpin MCA yang diketuai oleh Presidennya Yang Berhormat dari Labis, kerana gagal membela hak pendidikan kaum miskin dan kaum bukan Melayu serta bahasa ibunda. Usul censure ini juga seperti dinyatakan tadi adalah satu bantahan terhadap kelakuan Yang Berhormat dari Selandar yang kurang senonoh di Dewan yang mulia ini dengan menunjukkan tanda lucah di hadapan murid-murid sekolah di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin mengulangi hujah yang dikeluarkan tadi oleh rakan saya dari Petaling Jaya. Tetapi saya ingin mengutarakan hujah-hujah.....

**Tuan Chor Chee Heung:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat dari Alor Setar bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak beri. Nanti saya habiskan ini. Saya ingin mengutarakan hujah-hujah pertambahan untuk menunjukkan mengapa bukan sahaja Yang Berhormat dari Selandar, tetapi juga keseluruhan pemimpin MCA telah gagal dalam tugas mempertahankan hak pendidikan kaum bukan Melayu dan bahasa ibunda. Satu daripada punca usul memotong gaji Yang Berhormat dari Selandar sebanyak \$10.00 ini adalah kerana MCA bertanggungjawab ke atas sistem kuota dan pengIslamman dalam pendidikan yang merampas peluang dan hak kaum bukan Melayu serta menjadi benteng pemisah ke atas pencapaian perpaduan negara. Adalah

saya rasa Yang Berhormat dari Selandar ingat dalam tahun 1978 ekoran desakan dari DAP, Parti UMNO bersetuju menetapkan ratio di antara penuntut.....

**Puan Lim Lay Hoon:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat dari Padang Serai bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak beri. (*Disampuk*) ..... di antara penuntut-penuntut universiti tempatan bumi dan bukan bumi sebanyak 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera. MCA dalam Buku mereka *The Future of the Malaysian Chinese*—buku ini keluaran MCA—mengesahkan perjanjian ini tetapi menetapkan tarikh perjanjian nisbah 45:55 pada bulan Jun 1980. Akan tetapi ratio ini tidak pernah dilaksanakan ataupun ditunaikan.

Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, penyertaan etnik dalam kursus ijazah dan diploma di universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan bagi tahun 1985-1990 adalah seperti berikut:

	Kursus Diploma		
	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah Penuntut
1985	94.5%	5.5%	25,046
1990	92.8%	7.2%	26,225
	Kursus Ijazah		
	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah Penuntut
1985	63.0%	37.0%	37,838
1990	61.8%	39.2%	

Mengikut Laporan Majlis Perundangan Ekonomi Negara juga butir-butir seperti ini sungguhpun berbeza sedikit dengan butir-butir yang diberikan oleh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, tetap memberi gambaran yang sama mengenai penyertaan etnik penuntut-

penuntut dalam negara Malaysia. Dalam tahun 1970 untuk kursus diploma dan ijazah, penyertaan etnik adalah seperti berikut:

	<i>Kursus Diploma</i>	
	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>
1970	86.5%	13.5%
1980	61.9%	38.1%
1985	71.4%	28.6%
1988	74.3%	25.7%

	<i>Kursus Ijazah</i>	
	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>
1970	40.2%	59.8%
1980	62.0%	38.0%
1985	63.0%	37.0%
1988	60.4%	39.6%

Dari angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa secara purata dalam 20 tahun kebelakangan ini, komposisi penuntut bukan bumi yang mengikuti kursus ijazah di universiti tempatan adalah kurang dari 40% dan bukan 45% seperti yang dijanjikan dalam tahun 70an dan yang dilaung-laungkan oleh pihak MCA bahawa mereka berjaya mendapati kenikmatan sebegini.

Keadaan ini juga wujud untuk komposisi kaum. Mereka yang mengambil kursus diploma di mana komposisi penuntut bukan bumi yang mengikuti kursus diploma adalah kurang dari 30%. Jelas sekali angka-angka ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan tidak pernah menunaikan janji tersebut. Malah calon MCA kawasan Seputih, Encik David Chua, yang kalah dalam pilihanraya besar dalam tahun 1986 kepada rakan Yang Berhormat Liew Ah Kim pernah menyatakan dalam buku MCA *The Future of the Malaysian Chinese* yang sama di mukasurat 69 bahawa, dengan izin, "Unfortunately, this 45:55 ratio agreement does not appear to be honoured by the Government."

Ini adalah kata-kata pemimpin MCA sendiri. Sungguhpun begitu pemimpin-pemimpin MCA, khususnya Presiden

MCA dan Yang Berhormat dari Selandar tidak pernah mengambil berat tentang ketidakadilan yang jelas membuktikan penyelewengan dari Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Ekonomi Negara. Inilah kegagalan yang kita hendak menegur hari ini. Lagipun hampir kesemua biasiswa yang diberikan hanya diberikan kepada satu golongan sahaja.

Saya hendak bertanya di sini, adakah kaum miskin di negara kita terdiri dari satu kaum sahaja? Mengapakah MCA tidak berani menentang malah menyokong dasar yang sebegini tidak adil. Adakah MCA dengar kesusahan, penderitaan yang dideritai, yang dialami oleh mereka yang dirampas haknya, dirampas peluang untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat universiti. Malah MCA sendiri menyatakan bahawa peruntukan wang yang diberikan kepada institusi bukan bumi menunjukkan sikap diskriminasi. Encik David Chua sekali lagi, ini dari pemimpin MCA dalam muka surat 67 buku "The Future of the Malaysian Chinese" menyatakan:

"The Government is only devoting 3.9% of the public expenditure provided to bumiputera educational institution to the development of non-bumi institution." — Encik David Chua.

Ini bermakna, Tuan Pengerusi, kalau pihak Kerajaan memperuntukkan \$100 kepada pembangunan institusi pengajian tinggi bumiputera, hanya \$3.90 diberikan kepada institusi pengajian tinggi bukan bumiputera. Adakah MCA sebuah parti yang buta, pekak, yang tidak tahu mengenai perkara ini, yang tidak mahu mengambil tindakan sedangkan ia sendiri mengenalpasti dan tahu tentang kepincangan yang berlaku di dalam dasar dan pentadbiran Kerajaan, dengan menyebut bahawa Kerajaan adalah adil, bahawa MCA berjaya

membela nasib rakyat? Ini merupakan satu pembohongan terbesar oleh MCA dan pemimpin mereka. Di sini.....

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** *(Bangun)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta penjelasan. Saya cuma....

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya habiskan ayat ini, saya akan beri. Yang Berhormat seorang yang halus, saya akan beri. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi, mengenai perkara isu 4A, 2C, di sini saya hendak bertanya, adakah peraturan bahawa mereka yang telah memperolehi 4A, 2C dalam UPSR boleh naik terus ke Tingkatan Satu untuk tahun hadapan, atau adakah kelonggaran ini hanya diberikan untuk tahun ini sahaja? Kalau ini adalah untuk one short affair, saya rasa adalah tidak bermakna bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dan MCA boleh cakap besar tentang kejayaan yang dicapai oleh mereka. Ini tidak bermakna langsung, apa yang kita hendak ialah untuk memastikan bahawa apa yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan dikekalkan. Ini yang penting sekali. *(Tepuk)*

**Puan Lim Lay Hoon:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Lim Lay Hoon:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** How non fu yee to.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak beri. Tetapi saya akan beri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang halus itu.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, saya cuma hendak tanya, tadi Ahli Yang Berhormat telah menyatakan ada Kerajaan memberi sekian-sekian banyak kepada institusi pengajian bumiputera. Apakah maksud institusi pengajian bumiputera?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak menasihatkan Yang Berhormat supaya membaca Buku MCA, ini ada dalam Buku MCA. Kalau hendak saya boleh.....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya cuma hendak tahu, apakah dia institusi pengajian bumiputera?

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, saya hendak quote lagi. Ini adalah satu paper yang telah dibentangkan oleh Encik David Chua iaitu bekas calon kawasan Seputeh, di mana ia menyatakan, muka surat 67:

*(Dengan izin).* "If one assume the equal number of bumi and non-bumi students are eligible to enter post secondary educational institution. The Government is only devoting 3.9% of the public expenditure provided to bumi educational institution to the development of non-bumi institution."

Ini terdapat di muka surat 67, kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin MCA.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *(Bangun)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti sekejap, saya hendak habiskan dahulu, sabar sedikit ya!..... yang dikeluarkan oleh seorang pemimpin MCA dalam satu seminar yang dihadiri oleh semua pemimpin MCA termasuk Presiden mereka iaitu Dato' Seri Dr Ling Liong Sik. Ini dirasmikan oleh mereka, dan ini adalah dasar MCA, tetapi tidak pernah diperjuangkan dalam Dewan yang mulia ini, tidak pernah dibawa ke Kabinet, tidak pernah ditimbulkan, tetapi hanya diluar cakap besar, di suratkhbar Cina cakap besar—tetapi di dalam, semua sokong dan di sini, dengan izin, I would not stoop that low, dengan Yang Berhormat—Yang Berhormat MCA mengenai penguasaan bahasa ibunda.

Kalau saya hendak timbulkan perkara ini, I would stoop so low, saya pun boleh meminta Presiden mereka. Saya rasa ini bukan isuyang penting. Isu yang penting ialah untuk menjamin peruntukan hak yang telah diberikan, yang telah ditetapkan, dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat minta gulung ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta maaf, kerana Tuan Pengerusi sudah minta saya gulung, saya tetap hormat Tuan Pengerusi—saya akan gulung.

**Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tak beri ke?

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau Tuan Pengerusi boleh panjangkan masa saya, saya akan beri jalan.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak beri dipanjangkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta maaf—minta maaf.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Justeru itu, saya hendak MCA dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengisytiharkan di Dewan yang mulia ini sama ada MCA menyokong pendirian bahawa sekolah-sekolah Cina dan Tamil mendapat jaminan dan perlindungan dari Perlembagaan. Jangan lari dari perkara yang pokok ini, beritahu di Dewan yang mulia ini apakah pendirian MCA, adakah MCA berkata bahawa hanya penggunaan bahasa dijamin? Tetapi sekolah-sekolah Cina dan Tamil tidak dijamin. Saya harap kalau MCA tidak berani membuat pengumuman seperti ini, kerana sebenarnya MCA adalah boneka UMNO, parasite UMNO, diakui sendiri oleh bekas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay. Saya harap satu pengisytiharan boleh dibuat.

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tak payahlah saya hendak beri penjelasan, sebab dia memang bohong, saya tidak membuat kenyataan begitu, tetapi oleh kerana memang kita tahu dia kaki bohong, saya tidak hendak panjangkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, saya belum habis ayat saya.

**Tuan Pengerusi:** Sudah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan lanjutkan. Kalau saya habiskan, boleh juga, tetapi Tuan Pengerusi tidak beri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka, sudah cukup, duduklah. Ya, sila Arau.

5.19 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi:** Minta jangan panjang ya, kalau begitu saya akan undi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya di dalam membahaskan tajuk ini, saya menyokong Bekalan B.26, Butiran 01000 Pentadbiran Am supaya diluluskan dan dalam masa yang sama saya setuju dengan sahabat saya dari Alor Setar supaya bukan dipotong \$10 tetapi ditambah \$10 gaji Yang Berhormat dari Selandar.

Tuan Pengerusi, saya sebut di sini kalau sekiranya isu potong gaji \$10 ini dibuat oleh pihak DAP dari masa ke semasa, saya memberi amaran keras, kita boleh potong tiap-tiap orang ini sebab kita majoriti di sini. Tiap-tiap orang DAP \$100 kita boleh potong sebab kita banyak membuang masa berbincang mengenai tajuk, mengenai satu-satu individu, pertelagahan individu di Parlimen ini, pada hal ini di bawah Kementerian Pendidikan. Cuba tengok pegawai yang datang, depan dan belakang dari Kementerian Pendidikan hendak dengar apa yang kita hendak bincang, apa yang kita hendak minta dari Kementerian Pendidikan—masalah bilik darjah, masalah perpaduan penuntut-penuntut yang harus kita perjuangkan, masalah KBSR, KBSM dan lain-lain lagi. Itu yang patut kita perjuangkan bukan

masalah potong \$10. Hendak potong \$10, tidak ada masalah, cuma sekarang ini dia hendak beri malu MCA dan juga hendak beri malu pemimpin MCA. Ini bukan tempatnya. Tempatnya sekarang....

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** (*Bangun*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang ini dibenarkan.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit dari Yang Berhormat Arau. Tadi, Yang Berhormat dari Kota Melaka telahpun beberapa kali menyebutkan berkenaan dengan bahasa ibundanya. Apakah sebenarnya bahasa ibunda? Pada pandangan saya, bahasa ibunda ini bahasa yang dipertuturkan oleh setiap orang iaitu bahasa ibu dia. Sebab itu dipanggil bahasa ibunda.

Sekarang ini bahasa yang digunakan di sekolah-sekolah Cina ialah bahasa Mandarin. Bahasa ini bukan bahasa ibunda tetapi satu bahasa yang diberi keistimewaan oleh Kerajaan negara ini untuk dijalankan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Bahasa ini bukanlah bahasa ibunda. Kebanyakan orang-orang Cina kalau di sebelah Kedah, bahasa yang banyak digunakan ialah bahasa Hokkien, di sini bahasa Kantonis, ada bahasa Khek dan ada bahasa lain. Jadi, saya mahu supaya kita semua jelas tentang perkara ini. Itu kita faham bahawa memberi keistimewaan menggunakan bahasa Mandarin itu adalah satu keistimewaan yang diberikan kepada rakyat keturunan Cina di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya setuju, itu jawapannya. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, sebab DAP amat pandai menggunakan bahasa, jadi mereka bolehlah dari masa ke semasa

memutar-belitkannya. Jadi, saya hendak sebut di sini, berhubung dengan perkara ini....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tasek Chenderoh bangun. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Terima kasih kepada Arau kerana memberi jalan. Saya seperti juga Ahli dari Arau, saya hendak minta penjelasan sama ada pemerhatian beliau sama dengan saya. Sesudah hampir sejam ini yang kita bincangkan dan bahaskan adalah pendidikan Cina, pada hal yang hendak dipotong gaji ialah seorang Timbalan Menteri Kerajaan Malaysia. Adakah pada pemikiran pihak DAP bahawa Timbalan Menteri ini seorang yang menjaga pendidikan Cina sahaja? Adakah betul? Kalaulah DAP memerintah, dia akan ada seorang Cina menjaga pendidikan Cina, seorang Kadazan menjaga pendidikan Kadazan, seorang Tamil jaga pendidikan Tamil, seorang Melayu jaga pendidikan Melayu. Apabila datang Belanjawan, kita kena bahas Belanjawan untuk pendidikan Cina, Belanjawan pendidikan Melayu, Belanjawan pendidikan Kadazan. Ini menggambarkan sikap chauvinist yang ada pada pihak DAP yang saya rasa tidak ada pada pihak MCA yang mana Timbalan Menteri atau Menterinya bertugas untuk kepentingan negara kita, kepentingan pendidikan untuk semua. (*Tepuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya percaya kalau DAP memerintahlah, kalau ada komponen, tiap-tiap parti ada satu orang Timbalan Menteri. S.46 ada, PAS ada, PBS ada. Jadi, dia kiramacam itu, kalau Timbalan Menteri ini Cina, dia mesti jaga pendidikan Cina. Pada hal anak saya orang Melayu tetapi saya minta

tolong dari Timbalan Menteri Cina sebab saya anggap dia Menteri Kerajaan Malaysia.

Ini salahnya DAP dan Kota Melaka sebentar tadi banyak menimbulkan perkataan 'MCA', dia tidak timbulkan Yang Berhormat dari Selandar. Ini cerita yang menjadi masalah kita sekarang ini iaitu kita timbulkan soal individu dan kita kaitkan dengan parti, pada hal yang kita hendak bincang sekarang ini ialah masalah pendidikan. Kalau macam ini, kita tunjuk contoh, di masa kita hendak bincang fasal pendidikan, kita tunjuk contoh yang kita tidak dididik dengan baik. Bagaimana kita hendak cadangkan soal-soal pendidikan kepada orang-orang yang mendengar di belakang sana?

Ini permasalahannya dan saya beri amaran sekali lagilah, kalau sekiranya mereka buat, ini kali yang terakhir, buat sekali lagi saya dengan rakan-rakan di sini akan cadangkan tiap-tiap orang akan dipotong \$100, \$200 tiap-tiap kali masuk di bawah peruntukan Parlimen. Kita boleh potong, kita majoriti dan kita akan menang. Pada hari ini pun dia seronok-seronoklah bawa. Kita akan mengundi—kalah juga. Dia beberapa kali cuba hendak beri kita tidak cukup kuorum, tidak ada masalah. Sekarang ini kita sudah bersatu-padu. Bila-bila masa kita boleh potong gaji sesiapa pun. (*Tepuk*) Kita tidak gentar tetapi kita kasihan sebab kalau potong \$100, pening kepala juga sebab sekali khenduri kena beri juga sekian-sekian banyak. Kalau mahu potong \$100, kalau siapa mahu cabar saya, sila potong, besok di bawah Kementerian Kewangan, saya cari di bawah tajuk yang sesuai, kita akan potong, Ketua Pembangkanglah ataupun mungkin Kepong sendiri. (*Ketawa*) Walaupun Kepong mereka kata baik tetapi sebab dia masuk sebelah DAP, dia DAP. (*Ketawa*) Sekali DAP tetap DAP—ini masalahnya.

Tuan Pengerusi, walaupun ada ura-ura hendak masuk MCA, MCA tidak berilah sebab perangai DAP ini susah sedikit—MCA kata. Jadi, saya hendak sebut di sini, sebab ini tujuan pendidikan, marilah kita pada hari ini, saya penghabisan, Tuan Pengerusi, selepas itu kita undi dan mari kita bincang hal pendidikan secara serius. Ini adalah masalah masa hadapan rakyat Malaysia, masalah Wawasan 2020 yang DAP juga menyokong iaitu masa hadapan anak-anak kita. Saya sudah sebut anak Wakil dari Ipoh dan anak saya akan berkawan atau adakah dia mahu anak saya dan anaknya bergaduh? Dia kata dia tidak mahu. Biarlah bapa pada hari ini mungkin bertikam lidah sedikit tetapi anak-anak kita, kita mahu bersatu-padu dan ini hanya dibuat melalui proses pendidikan, bukan suruh potong gaji \$10. Ini cerita hendak potong gaji \$10 buat di luar, bukan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menentang Usul ini dan sebaliknya saya menyokong supaya gajinya dinaikkan \$10 sebab hendak balas balik apa yang telah mereka cadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan .....

**Dr Fong Chan Onn:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak berucap? Kalau boleh sedikit sahaja, jangan banyak-banyak.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, saya minta izin supaya saya boleh jawab sedikit kerana saya kesal tentang Usul ini seolah-olahnya Usul ini dibangkitkan untuk mencari cheap publicity bagi pihak DAP sahaja.

Tuan Pengerusi, sebenarnya semua isu yang dibangkitkan oleh pihak DAP menunjukkan bahawa DAP sebenarnya merupakan politician yang berparasit kepada ketidakpuashatian setiap kaum

di Malaysia ini. Sebagai contohnya, sebagai Kerajaan yang adil, kita telah beri semua pihak termasuk pihak DAP untuk menyertai di NECC atau Majlis Perundingan Ekonomi kita untuk mereka membangkitkan unsur-unsur cadangan mereka pada tahun 1988 hingga tahun 1991 tetapi apabila mereka diberi peluang, mereka lari dari tanggungjawab itu. (*Tepuk*) Ini menunjukkan mereka tidak ada kemahiran membangkitkan cadangan demi untuk kepentingan kestabilan politik dan kemakmuran negara yang berbagai kaum, berbagai budaya di negara Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya masih menunggu Ketua Pembangkang mengakui salah dan meminta maaf dari saya atas apa yang dibangkitkan oleh beliau pada 28 dan 29 Oktober dalam Dewan yang mulia ini, selepas beliau cabar saya bahawa apa yang kita putuskan di Kabinet iaitu mereka yang lulus dan dapat A dalam kesemua mata pelajaran yang lain....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Hendak minta penjelasan?

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu tanya saya, tetapi bila saya berdiri, takut!

**Dr Fong Chan Onn:** Bukan takut. Ahli-ahli DAP pun takut kepada wanita MCA kita. Apa yang saya takut kepada seorang Ketua Pembangkang ini? (*Tepuk*) Sebenarnya saya masih menunggu Ketua Pembangkang mengakui salah dan meminta maaf dari Dewan yang mulia ini kerana beliau yang sendiri membuktikan seorang yang pembohong, bukan kita, kerana kita selalunya mengikuti keputusan yang dibuat oleh Jemaah Kerajaan ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kota Melaka bangun.

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah, saya hendak jawab. Saya ada masa yang singkat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, point of order. Tadi Yang Berhormat ada sebut perkataan "pembong" Adakah Yang Berhormat menyebut perkataan "pembong" dan menunjukan kepada Yang Berhormat Tanjong? Kalau ada, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan boleh menarik perkataan ini di hadapan Speaker yang dihormati oleh sekalian. Ada atau tidak?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, bukan. Saya masih ingat pada 28 dan 29 Oktober, Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah menyebutkan bahawa saya merupakan seorang pembong kerana saya telah menyatakan apa yang mereka dapati tidak benar tetapi apabila dibuktikan bahawa apa yang saya katakan adalah benar, mereka tidak mengakui salah, tidak minta maaf dari Dewan yang mulia ini. Ini ada asas, ini adalah benar. Mereka masih belum mengakui salah, masih belum minta maaf di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*):

**Tuan Pengerusi:** Tanjong bangun, Yang Berhormat.

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah, ini jelas.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Dia ada menggunakan perkataan "pembong" terhadap saya. Saya mahu point of order dia tarik balik, kalau tidak saya mahu diberi peluang untuk menjelaskan perkara ini. Kalau tidak, dia patut tarik balik perkataan itu kerana sudah ada satu ruling—jika itu ditujukan kepada seseorang, itu unparliamentary. Saya mahu minta satu ruling minta perkataan itu ditarik balik.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, untuk menjimatkan masa, kalau Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, nanti sekejap.

**Dr Fong Chan Onn:** Kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, nanti sekejap. Perkataan "pembong" kalau ditujukan kepada seseorang telahpun dianggap sebagai unparliamentary. Itu telahpun diputuskan.

**Dr Fong Chan Onn:** Bolehlah, Tuan Pengerusi, saya menghormati keputusan Tuan Pengerusi, saya tukarkan perkara itu kepada "apa yang tidak betul".

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, oleh kerana di dalam *Hansard* ada ditujukan kepada saya, seorang Ahli di sini, ia patut menarik balik.

**Tuan Pengerusi:** Dia sudah tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, dia tidak tarik balik. Saya akan insist dalam perkara ini, dia patut tarik balik.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, saya telah menukarkan perkataan itu daripada seorang yang pembong itu.

**Tuan Pengerusi:** Minta tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada tarik balik?

**Dr Fong Chan Onn:** ...kepada seorang yang bercakap yang tidak benar....

**Tuan Lim Kit Siang:** Perkataan tadi ada ditarik balik atau tidak ditarik balik? Itu yang saya mahu tanya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjong, biarlah saya uruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak. Oleh kerana ini perlu untuk dijelaskan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjong, biarlah saya menguruskan, janganlah menolong saya. Yang Berhormat kenalah gunakan perkataan "tarik balik".

**Dr Fong Chan Onn:** Saya tarik balik dan menukarkan perkataan itu kepada "seorang yang bercakap fakta-fakta yang tidak benar, yang tidak berasas, yang hendak mengelirukan Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu-isu penggunaan sekolah oleh pihak Pembangkang, khususnya oleh pihak DAP, sebenarnya sekolah-sekolah Kerajaan merupakan harta-benda Kerajaan. Kita yang merupakan tuan rumah oleh sekolah-sekolah tersebut, jadi mengikut budibicara pihak Kementerian, khususnya pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan PDD tertentu untuk membuat keputusan semasa permohonan yang dibuat, tujuan yang dibuat adalah mengikut Akta dan adalah untuk kebaikan pendidikan dan sebagainya dan sekiranya terdapat perjumpaan itu adalah bertentangan dengan apa yang kita hasratkan, kita tidak akan bagi. Kita yang merupakan Kerajaan, kita boleh membuat keputusan.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mertajam bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak bagi.

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya minta sekali sahaja, boleh? (*Ketawa*)

**Dr Fong Chan Onn:** Okaylah. (*Ketawa*)

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi beliau mengatakan bahawa sekolah-sekolah itu harta Kerajaan. Jadi saya hendak bertanya, adakah SRJK(C) Chong Hua, Muar itu adalah satu harta Kerajaan atau harta Lembaga Sekolah? Itu saya mahu minta penjelasan.

**Dr Fong Chan Onn:** Terima kasih. Sebenarnya, sungguhpun itu merupakan sekolah "Bantuan Penuh" tetapi sekolah tersebut juga di bawah kawalan Kerajaan. Atas permintaan masyarakat Cina, telah diiktirafkan sebagai jenis sekolah Kerajaan.

Tuan Pengerusi, isu berkaitan dengan penggunaan sekolah itu langsung tidak timbul kerana kuasa untuk membuat keputusan adalah di bawah Kementerian Pendidikan dan kita akan membuat keputusan mengikut tujuan tersebut dan sekiranya didapati tujuan itu adalah untuk kebaikan sekolah, untuk kebaikan sistem pendidikan, untuk kebaikan masyarakat dan negara, kita akan benarkan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan apa yang dibangkitkan sebagai isu sekolah Tionghua swasta di Petaling Jaya, sebenarnya apa yang saya ceritakan dalam dialog saya dengan Lembaga Sekolah Cina, Petaling Jaya ialah segala permohonan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan, kita boleh bincang, kita boleh kaji dan sebagai Timbalan Menteri Pendidikan,

saya tidak ada kuasa untuk membuat keputusan pada malam itu. Saya telahpun memberi nasihat kepada ahli-ahli Lembaga itu bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan sebagainya dan saya sebagai seorang MCA memang tidak bersetuju dengan sikap PAS yang ingin menguatkuasakan sistem mengikut Islam di Kelantan itu dan sebaliknya kita sebagai masyarakat orang Cina juga mestilah menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang budaya dan yang berbilang agama. Jadi dalam permintaan kita, kita haruslah sedar tentang hakikat tersebut.

Tentang kemajuan pendidikan, khususnya pendidikan Cina dalam Malaysia, adalah jelas bahawa sejak kemerdekaan sekolah-sekolah Cina itu bukan sahaja telah maju tetapi telah maju dengan satu tahap yang telah jelas dan ini merupakan bahawa pihak MCA telah berjuang di bawah semangat Barisan Nasional supaya kita bersama-sama bolehlah membawa kemakmuran kepada sistem pendidikan kita bukan sahaja untuk Sekolah Cina tetapi untuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah India dan sebagainya dan selepas 34 tahun kemerdekaan adalah jelas semua aliran sekolah itu telah mencapai satu tahap kemajuan yang kita boleh rasa bangga. Kepada pihak DAP, saya haraplah mereka mengkaji semula Perlembagaan DAP sama ada dalam Perlembagaan DAP itu mereka ada sebut, "kita akan jamin, kita akan perjuangkan sistem pendidikan sekolah Cina ini di Malaysia". Saya telah mengkaji Perlembagaan DAP, langsung tidak disebutkan, dibandingkan dengan Perlembagaan MCA jauh berbeza. Jadi pada hak-hak ini, saya tidak mahu bincang dengan satu pihak di mana Perlembagaan mereka sendiri tidak menyebutkan mereka akan berjuang untuk tujuan yang mereka selalu nampaknya perjuangkan di sini dan di luar.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan peluang-peluang pendidikan tinggi di Malaysia....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pasir Pinji, jangan buat begitu.

**Dr Fong Chan Onn:** Ini kurang ajar, tidak apalah.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dr Fong Chan Onn:** Berkaitan dengan peluang-peluang mengikuti pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi di negara kita ini, sebenarnya selepas kemerdekaan kita telah dapati bahawa sistem Institusi Pengajian Tinggi kita telahpun diperluaskan. Pada tahun 1970 hanya ada sebuah universiti dengan jumlah enrolmentnya kurang daripada 6,000 sahaja, walhal pada masa sekarang kita ada 7 buah Institusi Pengajian Tinggi dengan jumlah enrolmentnya yang melebihi 60,000.

Sungguhpun angka itu besar, tetapi Kerajaan kita peka ianya tidak cukup. Dan pihak MCA sendiri telah berjuang sehingga jumlah enrolment di Kolej TAR sekarang adalah melebihi 8,000. Dan saya hendak tanya kepada DAP jika sekiranya mereka jujur, kalau mereka sebenarnya hendak memperluaskan sistem pendidikan tinggi kita, apa yang dia telah buat?

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan?

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia buat pertanyaan, saya hendak jawab.

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah. Tidak payah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berilah! Lain kali jangan tanya.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka, jangan berbahas macam itu.

**Dr Fong Chan Onn:** Ini bidang kuasa saya untuk saya bercakap. Adakah DAP telah cuba atau telah buat cadangan (proposal) untuk menubuhkan satu institusi pengajian tinggi di Malaysia atau satu kolej swasta di Malaysia? Tidak ada. Bagi mereka, apabila pihak MCA mengemukakan cadangan, mereka criticize sahaja. Mereka hanya membangkitkan ketidakpuasan hati di kalangan masyarakat Cina sahaja. Inilah symptom of politic criticism di kalangan DAP.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pihak DAP ini merupakan satu parti politik yang tidak mempunyai kemahiran, yang tidak mempunyai fikiran yang mendalam tentang cara yang kita harus gunakan untuk memajukan negara kita, khususnya dari segi sistem pendidikan. *(Tepuk)*

Terpulanglah kepada pihak Barisan Nasional dan pihak MCA untuk mewujudkan dan untuk merumuskan cadangan-cadangan dan selepas itu mereka mencari kelemahan yang boleh membangkitkan ketidakpuashatian khususnya di kalangan masyarakat Cina. Itulah strategi dan teknik mereka. Sekarang, pihak MCA telah tidak boleh tahan lagi. Kita telah bersabar selama 20 tahun. Sekarang kita telah lancarkan satu kempen bahawa kita akan memberi fakta-fakta yang benar kepada masyarakat Cina supaya supaya mereka boleh memahami siapa yang telah berjuang dan siapa yang belum berjuang bukan sahaja untuk kepentingan masyarakat Cina tetapi...

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah. Tidak payah!

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Dr Fong Chan Onn:** Tetapi untuk kepentingan masyarakat Cina dalam konteks di mana Malaysia benar-benar merupakan sebuah negara yang berbilang kaum.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *(Bangun)*

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, akhirnya...

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri Yang Berhormat..... Beri atau tidak?

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah. Dia pun takut kepada Yang Berhormat tokoh wanita kita.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional telahpun merumuskan strategi untuk pembangunan negara kita dalam era 90an dan di bawah Wawasan 2020, telah kita laksanakan impian kita untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara maju. Dan kita sehingga sekarang masih menunggu pendapat daripada DAP sama ada mereka setuju atau tidak, dan sama ada mereka ada alternatif yang lain atau tidak. Sehingga masa sekarang, mereka tidak beri. Dalam debate pada bulan Jun ketika membahaskan Dasar Pembangunan Nasional mereka hanya sebut yang mereka tidak mempunyai cukup masa. Tetapi sampai masa sekarang mereka tidak berjaya untuk membangkitkan satu perkara yang mereka tidak bersetuju dengan Dasar Pembangunan Nasional untuk tahun-tahun 90an ini. Mereka hanya kata, tidak ada cara untuk menguasai atau independent monitoring mechanism, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Sebagai Kerajaan, memang kita telah putuskan bahawa kita sendiri akan monitor pelaksanaan dasar itu. Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP, sebenarnya, dengan izin, independent monitoring mechanism yang supreme di negara kita ini ialah Parlimen kerana kita ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik oleh rakyat dan DAP di bawah slogan mereka "change" telah menipu rakyat sehingga mereka dapat 20 buah kerusi di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mertajam bangun.

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Menyampuk*)

**Dr Fong Chan Onn:** Dengan 20 orang Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, seorang hanya berkerja dalam satu tahun—9 hari sahaja, khususnya untuk monitor government policy. Sekiranya mereka tidak mempunyai kebolehan, kemahiran untuk menjalankan tugas....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun.

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payah. Tidak payah, kerana awak pun takut kepada wanita kita di sini. Apa lagi hendak tanya? Sekiranya mereka tidak mempunyai kemampuan dan kemahiran, saya menyeru kepada mereka cubalah masuk ke dalam MCA. Saya sebagai seorang bekas Profesor Ekonomi boleh beri mereka latihan supaya mereka boleh membantu Kerajaan....

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kamar bangun. Hendak beri jalan atau tidak.

**Tuan Wong Wing On:** Beri peluang. Ini kali pertama. Saya bukan doktor, bukan pakar....

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payah.

**Tuan Wong Wing Onn:** Tidak payah rasa inferiority complex. Tidak payah...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kamar, jangan tawar-menawar.

**Dr Fong Chan Onn:** Sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran, pengetahuan yang membolehkan mereka, dengan izin, monitor government policy dari segi pelaksanaannya, saya mintalah mereka boleh buat permohonan untuk memasuki MCA. Saya sebagai seorang bekas Profesor Ekonomi bolehlah cuba memberi latihan kepada mereka (*Tepuk*) supaya mereka boleh tolong Kerajaan dari segi pelaksanaan dan dari segi penguatkuasaan. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Pengerusi:** Saya kemukakan usul untuk dipersetujui dan diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul yang berbunyi:

"Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak \$10 daripada belanja yang diuntukkan kepada gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat dari Selandar di bawah Maksud B.26, Butiran 010000 Pentadbiran Am, 010100."

hendaklah dipersetujukan.

Usul pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

*Maksud B.26 dan B.27 (Jadual)—  
Maksud P.26 dan P.27 (Anggaran  
Pembangunan, 1992)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala Maksud B.26 dan B.27; dan Maksud P.26 dan P.27 di bawah Kementerian Pendidikan untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh.

5.49 ptg.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian bagi membincangkan beberapa perkara iaitu yang pertamanya di bawah Maksud B.26, Butiran 010000 di bawah Program 010700 Pendaftaran Sekolah dan Guru.

Tuan Pengerusi, saya hanya ingin bertanya mengenai Pendaftaran Guru tentang pelaksanaan pendaftaran guru-guru di bawah sekolah swasta. Guru-guru yang mengajar di sekolah swasta dan di sekolah persendirian. Apakah syarat-syarat yang membolehkan seseorang menjadi guru di sekolah swasta? Saya pernah mengalami menjadi seorang guru di dalam sebuah sekolah swasta dan pada ketika itu syaratnya terlalu longgar. Sesiapa sahaja yang mempunyai kelulusan akademik yang asas boleh mendaftar menjadi seorang guru di sekolah swasta.

Tuan Pengerusi, oleh kerana pendidikan adalah sesuatu yang penting di dalam membentuk generasi akan datang yang akan mendokong Wawasan 2020 dan bagi menjayakan negara kita sebagai sebuah negara yang maju, sudah tentulah kita ingin bidang pendidikan ini dikendalikan dengan sebaik-baik mungkin. Kita tidak mahu sekolah swasta yang mempunyai guru-guru di bawah kelayakan dan guru-guru yang tidak mampu untuk memberi pendidikan

yang baik. Jadi, oleh kerana itu, saya berharap supaya di bawah pengendalian pendaftaran guru-guru, pihak Kementerian ataupun Jabatan Pendidikan di peringkat negeri masing-masing hendaklah memberi perhatian yang serius dan meletakkan pra-syarat yang sebaik-baiknya dan membuat penapisan ke atas permohonan untuk menjadi guru di semua sekolah swasta, sama ada sekolah itu sekolah yang mengakui ianya adalah sekolah akademik ataupun sekolah agama rakyat yang menawarkan matapelajaran-matapelajaran akademik seperti SRP, SPM dan STPM. Tidak perlulah saya menghujah dengan lebih panjang kerana seharusnya kita semua faham tentang kepentingan syarat menjadi guru ini.

Selain daripada itu di bawah aktiviti yang sama—pendaftaran sekolah, di bawah program ataupun aktiviti ini jugalah nama-nama sekolah ditentukan. Sekarang ini sudah menjadi fesyen ataupun trend di mana sekolah-sekolah di beri nama berasaskan kepada seseorang yang tertentu, kepada seseorang yang berjasa ataupun kepada nama-nama besar. Bagaimanakah pihak Kementerian membuat kajian tentang kesesuaian nama-nama ini? Saya suka mencadangkan supaya sebaik-baiknya nama-nama sekolah ataupun nama-nama institusi pendidikan hendaklah dinamakan dengan nama tokoh-tokoh yang sudah membuktikan dirinya di dalam bidang akademik ataupun mereka yang berjaya sebagai intelektual dan yang telah menyumbangkan jasa kepada negara di dalam bidang pendidikan, di dalam bidang pemikiran, supaya benar-benar dapat menggambarkan tentang budaya ilmu yang ingin kita terapkan, yang ingin kita laksanakan bagi mencapai sebuah masyarakat yang benar-benar menghargai ilmu. Sebagai contoh, nama-nama besar yang telah kita gunakan seperti Aminudin Baki ataupun Ungku Omar dan sebagainya.

Pada pandangan saya tidak perlulah untuk kita menamakan sekolah-sekolah dengan nama pemimpin-pemimpin politik ataupun dengan nama Raja-raja pemerintah, kerana mereka ini boleh kita namakan kepada perkara-perkara yang lain seperti bandar—Bandar Tun Abdul Razak, Bandar Sri Iskandar, Bandar Muazzam Shah dan lain-lain. Sekolah dan institusi pendidikan hendaklah kita namakanlah dengan nama mereka yang telah menunjukkan jasa di dalam bidang pendidikan dan keilmuan. Sebagai contoh, sebuah sekolah di kawasan saya baru-baru ini telah memohon untuk dinamakan dengan nama Sheikh Idris al-Marbawi—seorang yang telah mencapai satu pencapaian yang tinggi di dalam bidang ilmu. Beliau telah diiktiraf oleh dunia sebagai seorang intelektual ataupun ulama besar Islam yang telah menghasilkan banyak buku. Sebuah sekolah yang kecil iaitu Sekolah Kebangsaan Lubok Merbau telah memohon untuk dinamakan dengan nama beliau.

Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan bersetuju, walaupun nama yang besar ini hanya untuk dinamakan kepada sebuah sekolah yang kecil. Tetapi bagi penduduk-penduduk dan masyarakat sekitarnya akan menganggap ini sebagai satu penghargaan besar mereka kepada tokoh yang lahir dari Lubok Merbau, dan diharap ianya akan menjadi pendorong untuk melahirkan lebih banyak lagi Sheikh Idris al-Marbawi di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh di bawah Program ataupun Aktiviti 010900—Bantuan kepada Badan-badan Pendidikan dan Lain-lain, Kod Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya mencadangkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka meningkatkan lagi aktiviti di dalam bidang penterjemahan, perkukuhkan lagi unit penterjemahan yang ada di

dalam Dewan Bahasa dan Pustaka, banyakkann penterjemah-penterjemah yang memberi perkhidmatan kepada mereka, tingkatkan ganjaran kepada mereka yang menterjemah untuk kepentingan Wawasan 2020 supaya kita mendapat ilmu pengetahuan dengan serta-merta dan segera. Setiap buku, setiap penulisan yang dilahirkan, yang dikeluarkan di dunia ini, sama ada di Amerika, di German, di Mesir, di Jepun, di Korea atau di mana sekalipun, yang mana dianggap perlu dan sesuai untuk kegunaan kita hendaklah diterjemahkan dengan seberapa segera yang boleh.

Jadi, kerana itu sepatutnya ada satu badan ataupun Lembaga yang memonitor, yang mengesan penerbitan buku-buku baru di semua negara dan sedapat-dapatnya menterjemahkan dengan seberapa segera yang boleh supaya kita dapat meningkatkan dengan cepat khazanah ilmu pengetahuan yang ada di tanahair kita pada hari ini.

Di bawah Aktiviti yang sama dan Kod yang sama, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap kepada Persatuan Asia Diraja.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu setakat mana pentingnya Persatuan Asia Diraja pada hari ini dan kebanyakan rakyat kita pada hari ini pun sudah tidak kenal lagi dengan Persatuan Asia Diraja ini. Suatu masa dahulu ia dikenali dengan nama Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Zaman saya di tingkatan enam dahulu, banyakkah merujuk kepada Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Persatuan Asia Diraja ini adalah peninggalan zaman kolonial, peninggalan zaman penjajahan dan ia mewakili pemikiran-pemikiran orientalis sewaktu penjajahan dahulu. Adakah persatuan ini masih wujud dan apakah sumbangannya kepada kita?

Saya yakin sumbangannya tidak sebanyak mana, kerana itu saya berharap supaya peruntukan yang kita berikan setiap tahun kepada Persatuan Asia Diraja ini dihentikan dan kita sumbangkan kepada badan-badan yang lebih memberi manfaat kepada kita seperti Persatuan Penterjemah Malaysia, Persatuan Linguistik Malaysia ataupun persatuan-persatuan lain yang dapat mengeluarkan lebih banyak bahan-bahan bacaan dan kajian yang bermutu untuk kepentingan pendidikan kita. Lupakanlah tentang The Royal Asiatic Society ini, kerana ia hanya perlunjuran daripada satu cabang colony ataupun penjajahan kita yang seharusnya kita tinggalkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut tentang bantuan ataupun pemberian kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat. Memang kita perlu memberi bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini. Tetapi pemberian kita haruslah dengan satu pengawasan yang sebaik-baiknya supaya pemberian kita dapat dipergunakan untuk kepentingan yang dapat memberi manfaat yang sebenarnya kepada masyarakat kita. Saya tahu bahawa pemberian ini diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat tidak kira apa cenderungnya, apa condongnya. Dalam kawasan saya pun ada Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang dikendalikan oleh pihak parti Pembangkang pun dapat pemberian ini.

Saya tidak membangkang tentang pemberian kepada sesiapa, tetapi pada pandangan saya setiap pemberian ini seharusnya dipergunakan dengan sebaik-baiknya, bukan untuk kepentingan politik ataupun kepentingan kelompok yang tertentu yang menggunakan Sekolah Agama Rakyat sebagai pusat kegiatan dan pusat menyebarkan dakyah-dakyah yang menyebabkan pecah-belah dalam masyarakat kita. Saya menyebut ini kerana ada Sekolah-sekolah Agama

Rakyat yang menerima bantuan, yang masih hidup dan bergerak, kegiatan politiknya cukup hebat tetapi kebajikan (welfare) sekolah tidak dijaga dengan sebaik-baiknya. Ada sekolah yang bangunannya amat uzur, boleh runtuh bila-bila masa sahaja. Ada sekolah yang boleh terbakar, seperti terbukti dengan apa yang berlaku kepada sebuah sekolah di Padang Lumat yang kita semua tahu kebakaran telah menyebabkan korban 26 orang pelajar, kalau tidak silap saya. Sekolah-sekolah ini menerima bantuan kita, tetapi pengendalian mereka ke atas kebajikan dan kepentingan pendidikan adalah minima kerana sekolah-sekolah ini hanya digunakan untuk kepentingan fahaman dan politik tertentu dan pendidikan yang sebenarnya diabaikan. Kerana itu apabila kita menghulurkan pemberian dan bantuan hendaklah kita berikan kepada mereka yang benar-benar bertanggungjawab dan kita mensyaratkan supaya pemberian kita itu dipergunakan untuk kepentingan pendidikan yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah B.26 juga, 06000 Pendidikan Tinggi di bawah Aktiviti 060200 Pemberian Peruntukan kepada Pusat-pusat Pengajian Tinggi, iaitu Kod 40000.

Kita banyak mendengar tentang jumlah kakitangan akademik di universiti-universiti yang bersara dan berhenti dari perkhidmatan mereka pindah kepada perkhidmatan swasta. Ramai orang yang mentafsirkan bahawa ini adalah satu gambaran yang negatif. Baru-baru ini Timbalan Menteri telah menyebut bahawa kadar perpindahan (turnover) kakitangan akademik, khususnya pensyarah-pensyarah yang senior lebih kurang 2% setiap tahun. Pada saya perubahan atau persaraan 2% setiap tahun ini adalah satu angka yang kecil, tidaklah satu angka yang dianggap sebagai mencemaskan. Malahan pada saya, semakin tinggi kadar kakitangan

akademik berhenti dari universiti menggambarkan semakin tinggilah kecanggihan masyarakat kita. Semakin ramai pensyarah daripada universiti berhenti dan masuk ke dalam bidang swasta, ertinya meningkat kemajuan di dalam negara kita, kerana negara ataupun bidang swasta sudah mampu memberi ruang-ruang kepada mereka ini untuk bergerak dan memberi khidmat mereka. Malahan ia akan menguntungkan negara pada keseluruhannya apabila professor-professor dan pensyarah-pensyarah universiti berhenti daripada universiti dan masuk kepada swasta, sudah tentulah kemahiran mereka, ilmu yang mereka telah garap selama ini, penyelidikan yang mereka telah lakukan di universiti dapat dibawa masuk dan dilaksanakan di dalam masyarakat secara menyeluruh. Jadi kerana itu....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Minta hendak habiskan ayat.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Jadi dengan kerana itu, saya berharap supaya universiti sentiasa mengambil pensyarah-pensyarah, mendidik pensyarah-pensyarah yang baru dan membiarkan, yang mana hendak keluar, keluar. Malahan lebih baik kalau ada daripada pihak swasta pula masuk ke universiti. Arus pergi dan balik antara masyarakat dan universiti menggambarkan kemajuan yang dicapai oleh sesebuah negara dan ini adalah satu tanda yang positif dan seharusnya digalakkan berterusan.

Itulah sahaja pandangan saya di bawah Kementerian ini dan saya berharap sedikit-sebanyak mendapat perhatian daripada pihak Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sib. Yang Berhormat, mintalah kerjasama Yang Berhormat yang hendak berucap ini supaya boleh Yang Berhormat dari Kementerian ini dapat menjawab pada hari ini juga dengan kerana kita telahpun ketinggalan dua Kementerian mengikut Jadual (Schedule). Yang Berhormat bolehkah berucap dalam masa 7 minit, boleh ya?

6.07 ptg.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu):** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya cubalah.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 010000 Pentadbiran Am, Program 010200 Pentadbiran Pendidikan di Negeri-negeri.

Saya amat berpuashati melihat kenaikan peruntukan daripada \$102,990,600 dalam tahun 1991 kepada \$133,458,500 dalam tahun 1992. Walau bagaimanapun, saya ingin mengetahui bilangan peruntukan tahun 1992 untuk setiap negeri, terutama sekali Sarawak. Kakitangan Jabatan Pendidikan Sarawak meliputi kawasan sebesar Semenanjung Malaysia dan kebanyakan daripada sekolah-sekolah tersebut terletak di kawasan luar bandar yang terpencil serta kekurangan kemudahan pengangkutan dan komunikasi.

Saya cadangkan agar kakitangan Jabatan Pendidikan Sarawak ditambah supaya pengurusan bagi semua sekolah di Sarawak dapat dijalankan, setiap objektif yang disediakan oleh Kerajaan dapat dicapai. Dari jumlah keseluruhan 8,200 sekolah dan 4,031,266 pelajar, tolong nyatakan jumlah angka untuk Sarawak dan peruntukan kakitangan Jabatan Pendidikan dan sekolah dan kakitangan Jabatan Pendidikan dan pelajar di Sarawak jika dibandingkan dengan purata hitung-panjang kebangsaan.

Tuan Pengerusi, saya amat berpuashati melihat kenaikan peruntukan dan jumlah kakitangan sekolah di bawah Butiran 020000 Pendidikan Rendah dan Menengah yang mana dinaikkan daripada \$3,692,674,200 dengan 244,273 kakitangan dalam tahun 1991 kepada \$4,435,243,000 dengan 252,333 kakitangan dalam tahun 1992.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengetahui peruntukan dalam jumlah kakitangan untuk Sarawak serta peratusan guru dan pelajar jika dibandingkan dengan purata kebangsaan. Saya cadangkan agar Kementerian segera memperbesarkan sekolah yang sedia ada ataupun mendirikan sekolah-sekolah baru terutama sekali Sekolah Rendah Cina, yang mana terlalu penuh dengan pelajar di kawasan bandar.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 030000 Pendidikan Teknik dan Vokasional, kenaikan diperuntukan dari \$179,847,900 dalam tahun 1991 kepada \$226,444,200 dalam tahun 1992—kenaikan sebanyak 20%. Tetapi jumlah pelajar hanya naik dari 48,000 dalam tahun 1991 ke 54,000 dalam tahun 1992—kenaikan sebanyak 12.5%. Saya cadangkan agar Kementerian Pendidikan mengambil langkah untuk melatih pengajar yang mahir agar dapat memenuhi kehendak kemajuan perindustrian negara kita menghadapi Wawasan 2020.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 060000 Pendidikan Tinggi. Saya amat berpuashati melihat kenaikan peruntukan dari \$862,165,100 dalam tahun 1991 ke \$941,222,600 dalam tahun 1992—kenaikan sebanyak 19%. Walau bagaimanapun, pengambilan pelajar telah naik daripada 4.6% dari 60,194 dalam tahun 1991 ke 63,000 dalam tahun 1992. Saya ingin mengetahui jumlah keseluruhan pemohon setiap kaum yang layak untuk masuk ke universiti-universiti tempatan dan institusi

pengajian tinggi yang ditolak disebabkan oleh kekurangan kekosongan. Saya cadangkan agar Kementerian mempercepatkan program penambahan universiti-universiti tempatan dan Institusi Pengajian Tinggi yang sedia ada dan membina universiti yang baru untuk memenuhi kehendak semua. Saya juga ingin.....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Satu line lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengetahui sasaran kekosongan yang akan disiarkan oleh cadangan universiti asing, perancangan di Malaysia bagi 5 tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Kalau tiga orang lagi hendak berucap, tidak sempatlah hari ini kerana kita telah kebelakangan dua Kementerian daripada Jadual.

**Tuan Saidin bin Adam:** Saya hendak bercakap kerana DAP buat hal tadi.

**Tuan Pengerusi:** Tak apalah. Saya ingat selepas ini, saya minta Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Selepas itu, minta Menteri menjawab.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya mempunyai banyak hal yang bernas di sini yang memerlukan mungkin 1 jam, walhal saya diberi 7 minit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Minta Yang Berhormat berucap 7 minit.

6.15 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Butiran 010000 Pentadbiran Am, Program 010200 Pentadbiran Pendidikan di Negeri-negeri. Anggaran Tahun 1992—\$133,458,500 tetapi tahun 1991 \$102,990,600, lebih \$30,467,900. Bilangan jawatan dalam tahun 1992, 4,868, walhal untuk tahun 1991 \$4,668,000. Ini melebihi 210 orang. Walaupun pihak Kementerian tidak menyangka kita akan meneliti apa yang berlaku, sebahagian besar tambahan dalam jawatan adalah disebabkan wujudnya jawatan baru Penyelaras PPP (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan) bukan siswazah tingkatan biasa di Pejabat Pendidikan Daerah/Negeri.

Tuan Pengerusi, apakah fungsi jawatan-jawatan ini dalam Pejabat Pendidikan Daerah kerana ini satu jawatan yang baru dan ditambahnya hampir 200 orang dan sebelum ini, siapakah yang melaksanakan tugas-tugas penyelaras? Mengapakah jawatan penyelaras perlu diwujudkan? Dan seperti mana kami ketahui, Jabatan Pendidikan Negeri bertanggungjawab ke atas pentadbiran sekolah. Kami memperhatikan daripada mukasurat 242, Kertas Perintah 19, Tahun 1991, bilangan sekolah yang dikelolakan menurun daripada 8,132 dalam tahun 1988 kepada 8,083 tahun 1989 dan 8,039 tahun 1990. Saya berharap pihak Kementerian dapat memberi penerangan mengenai bilangan jenis dan kategori sekolah-sekolah yang telah ditutup di antara tahun 1988, 1989 dan tahun 1990. Selain dari itu juga diperhatikan bahawa bilangan murid berkurangan daripada 5,551,730 orang pada tahun 1988 kepada 3,743,845 orang untuk tahun 1989 dan naik kepada 3,820,097 orang dalam tahun 1991. Jadi, wujud satu perbezaan sangat besar. Tahun 1988, hampir 8.5

juta tetapi pada tahun 1989 turun kepada 3.7 juta. Jadi, mengapa bilangan murid itu menurun begitu banyak. Bolehkah pihak Kementerian menjelaskan bagaimana ia mungkin untuk mengurangkan murid di antara tahun 1988 dengan 1989? Jadi, satu keanehan, kerana bilangan penduduk bertambah, bilangan murid bertambah tetapi di dalam Kertas Perintah ini, bilangan murid turun. Turun sampai 2 juta orang. Jadi, satu keanehanlah di dalam pengurusan Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, mengenai Program 010600 Perkhidmatan Komputer. Diperhatikan daripada mukasurat 243—Laporan Prestasi Aktiviti yang berbentuk baru yang tidak memberi penjelasan dan butiran-butiran yang lengkap. Misalnya, cara laporan prestasi baru ini kurang memberi penjelasan berbanding dengan tahun yang lepas di mana prestasi aktiviti dipecahkan kepada berbagai aktiviti seperti pemilihan ke universiti tempatan, pemilihan calon kursus diploma dan sebagainya. Tetapi sekarang dengan ada komputer, lebih mudah dan lebih cepat tetapi tidak ada butiran yang lebih lengkap. Jadi, terbaliklah, Tuan Pengerusi, boleh dikatakan songsang cara untuk menguruskan hal seperti prestasi laporannya.

Jadi, bagaimanakah kita tahu apakah kandungan, mahupun maknanya prestasi ini di bawah aktiviti pembangunan, sistem aplikasi, peperiksaan dan bukan peperiksaan dan sebagainya. Tetapi kita berharap pihak Kementerian dapat menjelaskan hal ini dan mungkin mengekalkan cara laporan prestasi dengan bantuan komputer ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi—Program 010700 Pendaftaran Sekolah dan Guru. Menurut mukasurat 244, Kertas Perintah 19, Tahun 1991, Penubuhan Sekolah-sekolah serta

Institusi Pendidikan Swasta yang diproseskan dan diluluskan di peringkat akademi dan post-SPM, termasuk perdagangan dan teknik, masing-masing, 45 dan 18 dalam tahun 1991.

Diperhatikan bahawa bilangan sekolah atau institusi pendidikan swasta yang ditubuhkan dan diluluskan sudah menurun untuk dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 1988 daripada 70 buah sekolah akademik kepada 48 dalam tahun 1989. Bagi institusi pos SPM daripada 40 buah dalam tahun 1988 kepada 21 buah dalam tahun 1989. Apakah penjelasan bagi tren penurunan ini kerana dengan usaha Kerajaan untuk penswastaan untuk menggalakkan pihak swasta menceburkan diri di dalam bidang pendidikan maka kita nampak bilangan sekolah dan institusi pendidikan swasta sudah menurun. Apakah sebabnya? Adakah ini bermakna dasar pendidikan swasta Kerajaan adalah tidak begitu sempurna sehingga banyak sekolah dan institusi tidak dapat mendaftarkan dan tidak memainkan peranan yang lebih positif, yang lebih bermakna untuk perkembangan pendidikan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat. Tanjong Karang.

6.21 ptg.

**Tuan Saidin bin Adam (Tanjong Karang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap di dalam maksud Bekalan 26, Butiran 010000 Pentadbiran Am Program Aktiviti dan 010500 Pembangunan dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya lihatkan di Kementerian Pendidikan ini memang banyak wang telah digunakan untuk membaiki sekolah, membaiki kantin sekolah dan membaiki bangunan

sekolah. Akan tetapi di Kementerian Pendidikan tidak ada pegawai yang hendak menilai mutu kerja pemborong-pemborong yang membaiki sekolah-sekolah ini.

Saya dapat bukti sekarang ini di daerah saya di daerah Kuala Selangor dalam kawasan Parlimen Tanjong Karang, dua buah kantin sedang dibaikpulih, sedang dibaiki dan kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Daerah dan Negeri tetapi kita tidak ada pegawai yang boleh menilai mutu kerja dan akibatnya sekarang sekolah telah dibuka tetapi kantin tidak siap. Kanak-kanak dan guru-guru meletakkan di tempat menyimpan basikal untuk kanak-kanak jadikan kantin sekolah. Saya nampak di sini kerana Kementerian Pendidikan tidak ada seorang pegawai yang boleh menilai mutu kerja, yang boleh menasihatkan pemborong-pemborong membuat kerja. Hanya mengharapkan penyelia yang asalnya dari guru ataupun Pegawai Pendidikan Daerah yang juga asalnya dari guru dan juga pegawai-pegawai di Pejabat Pendidikan Negeri.

Kalau sekiranya Kementerian tidak mampu untuk mengadakan pegawai yang bertauliah, seorang jurutera atau juruteknik, saya rasa kita boleh bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya untuk menilai kerja-kerja ini kerana institusi/sekolah ini adalah satu perkara yang sangat penting. Sekiranya pendidikan asas di sekolah rendah telah lemah, saya rasa sampai ke peringkat menengah juga pendidikan ini akan berlanjutan.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya kalau tidak dapat mewujudkan jawatan juruteknik atau jurutera dan sebagainya untuk menilai kerja-kerja kecil selenggara ini, hendaklah kita bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya.

Tuan Pengerusi, dalam maksud Bekalan 26 juga Butiran 200000 Pendidikan Rendah dan Menengah Program Aktiviti, 020700 Pendidikan Pra-Sekolah.

Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan sebelum berakhir tahun 1990, awal tahun 1991 kajian telah dibuat dan arahan telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah rendah di seluruh Semenanjung supaya mewujudkan pra-sekolah. Maksudnya sekolah tadika di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan adakah kajian yang benar-benar telah dibuat sebelum diwujudkan pra-sekolah ini dan sekarang kita dapat melihat pra-sekolah tidak dijalankan. Walaupun arahan telah bermula, walaupun kajian telah dijalankan ke sekolah-sekolah ke negeri, ke daerah dan di daerah ke sekolah-sekolah sehingga ini saya dapat melihat kekurangan guru. Pengakuan daripada Timbalan Menteri sendiri berkata ada beribu-ribu guru kurang. Di Selangor sahaja lebih 1,500 guru di sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah rendah Tamil, sekolah rendah Cina, sekolah rendah kebangsaan dan di sekolah menengah kekurangan guru.

Sekarang kita hendak mewujudkan pra-sekolah pula. Jadi, adakah benar-benar Kementerian Pendidikan telah bersedia dengan bilik darjahnya dan saya dengar sekarang ini gurunya pun dalam latihan lagi—masih dalam latihan. Jadi, satu perkara yang kita harus fikirkan sebelum pelaksanaan dilaksanakan supaya rancangan yang dibuat oleh Kementerian tidak terbengkalai begitu sahaja.

Butiran 050000 saya merujuk kepada buku teks—Bahagian Buku Teks.

Saya tidak tahu berapa orang Ahli Dewan kita boleh atau yang telah melihat buku teks tahun satu sekolah rendah. Saya tidak tahu tahun ini sudah berubah atau belum. Buku teks tahun satu sekolah rendah matapelajaran Matematik, tebalnya sama dengan buku Anggaran Belanjawan, besarnya lebih kurang itu juga. Jadi, bagaimana kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke atas yang belum 7 tahun hendak menggunakan buku ini sedangkan kita Ahli Dewan pun malas hendak bawa. Jadi, kita minta adakah perancangan dibuat oleh Kementerian Pendidikan supaya diubah sesuai buku ini dengan kanak-kanak yang belajar di sekolah rendah.

Saya tidak lama di sekolah rendah ini, lebih kurang 31 tahun—tidak lama tetapi pengalaman ini yang kadang-kadang kita terfikir. Kemudian latihan di sekolah, guru suruh murid-murid bawa buku, pergi hari-hari bawa balik—berat buku ini. Tinggal pula di rumah buku hilang, penjaga kena ganti. Tertinggal di sekolah buku hilang, penjaga kena ganti. Anak kita hendak bawa bukan main tebal—berat. Kemudian dia letih di buku ini sahaja. *(Ketawa)* Belum lagi penjaganya suruh bawa air satu tangan lagi, buku di belakang.

Jadi, kita kena memikirkan sejauhmana kita hendak mengatasi masalah ini. Saya nampak hari ini....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat. Kalau boleh, gulungkan sedikit.

**Tuan Saidin bin Adam:** Ini yang salahnya DAP, Tuan Pengerusi. *(Ketawa)* Saya siapkan tiga helai, baru sehelai sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya pun dukacita juga. *(Ketawa)*

**Tuan Saidin bin Adam:** Fasal saya tunggu sangat ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Saidin bin Adam:** Oleh kerana atas nasihat Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih. Saya akan menulis surat kepada Menteri dengan masalah-masalah yang wujud di Kementerian Pendidikan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.28 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian di atas cadangan-cadangan dan syor-syor yang telah dibuat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Pendidikan di peringkat Jawatankuasa.

Perkara-perkara yang saya dapat jelaskan di sini adalah perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh tadi mengenai bantuan kepada sekolah agama rakyat. Kementerian Pendidikan memang sedar tentang adanya sekolah-sekolah agama rakyat yang dijadikan pusat kegiatan dakyah tertentu. Bantuan yang kita beri adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan sentiasa kita menjalankan perhatian dan juga pengawasan di atas sekolah-sekolah tersebut dengan sewajarnya. Jadi, sehingga kini sekolah-sekolah agama ini telah dijalankan mengikut syarat yang ditetapkan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, minta sambung hari Isnin. Masa sudah cukup.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*